

KEBAWAH DYMM, KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI SELAMAT TIBA DI NBD



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam menadah tangan ketika doa dibacakan. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (*Lihat muka 3*).

Institusi Fatwa dipelihara jadi rujukan tertinggi, tunjang dasar negara

Oleh : Khartini Hamir

BERAKAS, Selasa, 3 Jun. - Institusi Fatwa dalam sesebuah negara, khasnya di rantau ini adalah sangat mustahak untuk dipelihara, kerana ia bukan sahaja menjadi rujukan tertinggi dalam permasalahan agama, malahan juga menjadi tunjang kepada dasar negara.

Tidak syak lagi keputusan yang dikeluarkan oleh Institusi Fatwa akan memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat dan kestabilan negara.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan, bersabda menegaskan demikian pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i bersempena 60 Tahun Institusi Fatwa di Negara Brunei Darussalam bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

>> Muka 4

APT 2025 : Memperkukuh kerjasama digital serantau, antarabangsa

Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

TOKYO, JEPUN, Isnin, 2 Jun. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, telah mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) di Mesyuarat Menteri Asia-Pacific Telecommunity (APT) 2025 yang

telah berlangsung dari 30 hingga 31 Mei 2025 di Tokyo, Jepun.

Mesyuarat Menteri APT, yang biasanya diadakan setiap lima tahun, menyediakan platform utama untuk menteri-menteri dari rantau Asia-Pasifik untuk membincangkan cabaran dan peluang dasar yang muncul, berkongsi visi bersama, serta memperkukuh kerjasama serantau dan antarabangsa.

NBD telah mendapat manfaat daripada

bantuan teknikal dan misi kepakaran APT, meliputi Pembangunan Kod Amalan dan Standard Prestasi Kualiti Perkhidmatan, Pembangunan Rangka Kerja Kawal Selia untuk Penilaian Pematuhan, Pembangunan Garis Panduan Penyelarasan Satelit, dan Semakan Rangka Kerja Pelesenan.

>> Muka 11



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

[f Pelita Brunei](#)
[@pelitabrunei](#)
[X pelitabrunei](#)

Berita Utama



ACARA keagamaan 25 Tahun Desentralisasi Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi

Muka 9



JADIKAN mazhab sebagai pedoman dalam menjalani kehidupan

Muka 12



USAHA kolektif perkukuh sistem kesihatan serantau

Muka 18



RENCANA

TUMPUKAN usaha, akhiri pencemaran plastik

Muka 21

Kepentingan kapasiti tenaga manusia, ABDB mampu jamin kesediaan, kesiapsiagaan tempurnya

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen,
Sayyidinaa Muhammadin,
Wa'ala Aalihee Wasahbihee
Ajma'een, Waba'du.

SYUKUR dipanjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya jua, mengizinkan kita sama-sama menghadiri Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang Ke-64 dalam suasana aman, damai dan sejahtera.

Tahniah dan syabas, saya ucapkan di atas pencapaian usia ini dan juga di atas mutu perbarisan dan keterampilan yang sangat kemas sebentar tadi yang sekali gus mempamerkan kepahlawanan bangsa yang sejati.

Alhamdulillah, dalam usianya yang sudah semakin matang, ABDB telah banyak menunjukkan perkembangan yang amat ketara. Sebagai sebuah institusi pertahanan, keupayaan ketenteraan yang moden adalah penting, namun apa yang lebih kritikal adalah mempunyai kapasiti sumber tenaga manusia yang berkelayakan dan kompeten melalui peningkatan pembelajaran akademik dan latihan bagi membolehkan pengemaskinian dasar dan doktrin selaras dengan keperluan pertahanan negara dan keadaan semasa.

Dalam hubungan ini, sukacita saya mengambil maklum sejak tahun 2022 kekuatan ABDB telah meningkat sebanyak 11 peratus, iaitu penambahan seramai 1,130 anggota. Ini antara lain adalah hasil daripada pengemaskinian dasar pengambilan dan

pengekalannya melalui penambahan kapasiti latihan asas ketenteraan rekrut daripada 540 ke 960 anggota dan kapasiti maksima 100 Pegawai Kadet setiap tahun.

Di samping itu, pengemaskinian Dasar Struktur Perkembangan Kerjaya (SPK) yang antara lain mengekalkan perkhidmatan melalui ikat janji bagi anggota-anggota yang dinaikkan pangkat dan menghadiri kursus-kursus tertentu sebagai langkah rancangan pelapis (*succession planning*) anggota yang mampan. Ini dapat dilihat melalui statistik tiga tahun kebelakangan, dalam mana seramai 119 anggota telah melanjutkan perkhidmatan selepas 26 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 13 peratus berbanding pada tahun 2022.

Saya juga gembira dengan usaha ABDB untuk meningkatkan kapasiti sumber tenaga manusianya, antaranya memaksimumkan pengendalian kursus dan latihan di dalam negara melalui kolaborasi dengan Universiti Brunei Darussalam bagi Pendidikan Profesional Ketenteraan dan Institusi Pendidikan Teknikal Brunei bagi kepakaran teknikal, termasuk inisiatif mendatangkan jurulatih-jurulatih tertentu daripada negara sahabat ke arah mengoptimalkan jumlah anggota yang mengikuti latihan serta penjimatan perbelanjaan negara.

Saya sukacita mengambil maklum terkini hanya segelintir kursus sahaja yang masih dihantar ke luar negara mengambil kira keperluan prasarana khusus, ketiadaan pakar bagi kursus-kursus spesialis serta jumlah pelatih yang kecil dalam satu masa untuk dikendalikan secara berkesan di dalam negara. Sehubungan dengannya, saya berharap tahap profesionalisme tentera hendaklah terus dipertingkatkan agar dapat diiktiraf sebanding dengan kepakaran

tertentu di sektor awam.

Dalam hal ini, saya berpendapat Rejimen Jurutera Tentera Darat Diraja Brunei perlu mempunyai kelayakan dan kepakaran kejuruteraan yang diiktiraf untuk membolehkan ABDB melaksanakan reka bentuk, projek-projek pembinaan dan pengubahsuaian serta keperluan pelupusan selaras dengan peraturan negara, tanpa bergantung kepada kepakaran di sektor awam.

Ke arah itu, saya berharap Kementerian Pertahanan, khususnya ABDB, melalui pendekatan Whole of Government akan dapat menjalankan kerjasama dengan kementerian atau institusi berkepentingan untuk mencapai hasrat ini. Dengan meningkatnya ancaman digital daripada serangan siber dan teknologi maklumat, saya mengambil maklum ABDB juga sedang giat mengunakayahkan pelbagai inisiatif yang menjurus kepada meningkatkan kompetensi anggota melalui kursus dan pendedahan tertentu dengan pihak-pihak yang lebih berpengalaman dari dalam dan luar negara.

Seyogianya, saya berharap kerjasama ABDB dengan agensi-agensi keselamatan siber kebangsaan, khususnya Cyber Security Brunei yang berada di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta kerjasama dengan angkatan tentera negara-negara sahabat untuk diteruskan agar keutuhan pertahanan siber negara dapat dicapai secara holistik.

Saya juga difahami Rejimen Pasukan Khas telah berjaya melahirkan seramai 28 anggota Pasukan Khas Tier 2 yang akan seterusnya menjadi perintis kepada penubuhan Unit-unit Pasukan Khas Tier 2 bagi Tentera-tentera Darat, Laut dan Udara Diraja Brunei mengikut kepakaran Tempur



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenaan mengurniakan sabda pada Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-64 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bertempat di Padang Kawad Pangkalan Tentera Laut Diraja Brunei Muara pada Sabtu, 3 Zulhijah 1446 Hijrah bersamaan 31 Mei 2025 Masihi.

Khas Darat, Laut dan Udara masing-masing sebagai langkah kepada pembentukan Markas Operasi Khas atau Special Operations Command (SOCOM) yang bakal ditubuhkan.

Natijahnya, dengan adanya serta keberhasilan pelbagai usaha pelaburan dalam pembangunan kapasiti tenaga manusia ini, ABDB akan mampu menjamin tahap kesediaan dan kesiapsiagaan tempurnya yang tinggi pada setiap masa.

>> Muka 9

WAKTU SEMBAHYANG										
JUN MASIHI	HARI	ZULHIJAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4	RABU	7	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.45	6.30	7.46
5	KHAMIS	8	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.45	6.31	7.46
6	JUMAAT	9	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.45	6.31	7.46
7	SABTU	10	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.46	6.31	7.47
8	AHAD	11	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.46	6.31	7.47
9	ISNIN	12	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.46	6.31	7.47
10	SELASA	13	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.46	6.32	7.47

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
34 26 °C	33 26 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
34 26 °C	33 26 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong			
34 26 °C	33 26 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
34 26 °C	33 26 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

4 JUN 2025

Menyediakan perkhidmatan kesihatan dekat kepada rakyat, penduduk

DASAR Desentralisasi Perkhidmatan Kesihatan di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mencapai genap 25 tahun ia dilaksanakan. Ia merupakan sejarah kemajuan dan perkembangan Perkhidmatan Awam khususnya Kementerian Kesihatan yang memacu perubahan besar dalam sistem kesihatan di NBD.

Inisiatif yang telah diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2000 ini bermatlamat untuk membawa perkhidmatan kesihatan lebih dekat kepada rakyat dan penduduk negara ini, menjadikannya mudah diakses, mampu diperolehi dan berkualiti tanpa mengira lokasi atau latar belakang individu.

Perubahan ke sistem yang mengutamakan penjagaan kesihatan asasi ini bukan sekadar satu perjalanan yang mengambil masa panjang, malah ia merupakan transformasi dan anjakan paradigma ke arah kesaksamaan dan keprihatinan terhadap keperluan masyarakat.

Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi adalah kontak pertama antara perkhidmatan kesihatan dan masyarakat. Justeru, perkhidmatan ini mempunyai kapasiti untuk menggunakan pendekatan yang holistik melalui kepakaran pelbagai disiplin terutamanya dalam pengurusan dan pengawalan penyakit-penyakit kronik di samping mengukuhkan lagi aspek pencegahan dengan mempromosikan cara hidup sihat dan saringan awal penyakit.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan 25 Tahun Desentralisasi Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi NBD baru-baru ini.

Yang Berhormat turut menyatakan bahawa pembangunan infrastruktur yang berkonsepkan One Stop Centre yang juga sejajar dengan Matlamat Pembangunan Milenium dan sekarang, Matlamat Pembangunan Mampan telah memudahkan rakyat dan penduduk mendapat perkhidmatan kesihatan asasi yang komprehensif dan sekali gus telah menaikkan taraf pencapaian NBD di antara negara Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang mempunyai Indeks Liputan Kesihatan Sejagat yang tinggi.

Jelas Yang Berhormat, sepanjang 25 tahun pelaksanaan dasar tersebut, pelbagai pencapaian signifikan telah dicapai. Antaranya ialah akses yang diperluaskan dengan penubuhan pusat-pusat dan klinik-klinik kesihatan di lokasi-lokasi strategik dan terancang selari dengan pertumbuhan jumlah dan keperluan kesihatan rakyat dan penduduk yang semakin meningkat sejagat desentralisasi dilaksanakan.

Selaras dengan Wawasan Brunei 2035, penjagaan kesihatan asasi akan terus menjadi tonggak utama dalam sistem penjagaan kesihatan di NBD yang mana telah terbukti adalah lebih kos efektif, berkesan dan selamat ke arah melahirkan masyarakat dan generasi yang lebih sihat dan mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga akan terus memperkukuh penjagaan kesihatan asasi sebagai asas kepada sistem kesihatan yang inklusif, mampan dan berdaya tahan. Kita melangkah ke hadapan dengan penuh komitmen terhadap prinsip 'Kesihatan Untuk Semua', demi kesejahteraan rakyat dan generasi masa depan. — **Ketua Penyuntingan (Rd)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن فردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM, Kebawah DYMM Raja Isteri selamat tiba di NBD



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha menadah tangan semasa Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

pengiran Cheteria; Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Timbalan-timbalan Menteri; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; dan Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei berserta pasangan masing-masing.

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

RIMBA, Selasa, 3 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemanha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat tiba di Negara Brunei Darussalam, malam tadi. Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menjunjung keberangkatan tiba

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ialah ahli-ahli kerabat diraja.

Berangkat sama dan hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat tiba di Negara Brunei Darussalam (kanan). Antara yang hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri (atas).



BERANGKAT TINGGALKAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

KUALA LUMPUR, Selasa, 3 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemanha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat meninggalkan Kuala Lumpur, Malaysia, petang

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemanha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima junjung ziarah daripada Perdana Menteri Malaysia dan isteri sebelum berangkat meninggalkan Kuala Lumpur.

tadi.

Hadir di Hotel Grand Hyatt bagi menyebarkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ialah Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan isteri, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

>> Muka 4



>> Muka 3

Sebelum berangkat meninggalkan tempat persemayaman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Pangkalan Udara Subang bagi menyebarkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Alhaj ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor.

Juga berada di Pangkalan Udara ialah Menteri Komunikasi,

Malaysia, Yang Berhormat Datuk Fahmi Fadzil; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin dan isteri serta para pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Kuala Lumpur, Malaysia.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha menadah tangan ketika doa dibacakan (gambar kiri) manakala gambar bawah kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berada di Pangkalan Udara Subang.



YANG Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Alhaj ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor juga berangkat ke Pangkalan Udara Subang bagi menyebarkan selamat berangkat Kehadapan Majlis baginda berdua.

INSTITUSI FATWA DIPELIHARA JADI RUJUKAN TERTINGGI, TUNJANG DASAR NEGARA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i bersempena 60 Tahun Institusi Fatwa di Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 1

Institusi Fatwa sabda Duli Yang Teramat Mulia, turut memainkan peranan penting melahirkan ulama. Ulama adalah pewaris nabi-nabi

yang mampu untuk membimbing ummah dengan ilmu mereka.

Menyentuh tema persidangan yang berbunyi 'Mazhab Syafi'i dalam Era Digital : Relevan dan Cabaran', DYTm melihat ia sangat bertepatan dengan realiti semasa, khususnya bagi membincangkan keutuhan dan keperluan mazhab dalam menghadapi arus pemodenan teknologi.

Pertemuan ulama dan ilmuwan Islam serantau dalam persidangan ini sabdanya, sudah sedentunya akan membuka ruang berharga untuk meneliti isu-isu tersebut secara ilmiah dan mendalam.

"Antara isu yang semakin mendesak pada era digital ini ialah fenomena fatwa yang mudah diakses secara tidak terbimbing. Masyarakat mudah mendapatkan pandangan agama melalui media sosial tanpa menilai kesahihan dan kesesuaiannya dalam konteks tempatan.

Dalam pada masa yang sama, sesiapa pun boleh mengaku sebagai 'mufti' atau 'ustaz' dalam dunia digital dan alam maya," tegas DYTm.

Lebih membimbangkan lagi

tegasnya, segelintir masyarakat pula, mula mengeneipkan autoriti rasmi dalam hukum-hukum dengan memilih 'ulama digital' untuk memberikan jawapan segera terhadap persoalan-persoalan mereka.

DYTm dalam sabdanya juga turut menegaskan isu-isu sebegini jika tidak ditangani dengan bijaksana, ia berpotensi untuk menimbulkan kekeliruan yang besar dalam kalangan umat Islam, malahan boleh menggugat kedudukan dan kelangsungan Mazhab Syafi'i di rantau ini.

Dalam pada itu, DYTm berharap dalam perhimpunanpara tokoh dan sarjana di persidangan ini, beberapa strategi berkesan dapat dikenal pasti bagi menanganinya.

DYTm bersabda, seiring dengan perkembangan era digital yang pesat dan mencabar, Institusi Fatwa serta Fuqaha dalam Mazhab Syafi'i perlulah mengukuhkan kehadiran mereka dalam ruang digital.

Pembangunan platform fatwa digital yang berwibawa, mudah diakses dan mesra pengguna adalah amat penting.

Usaha ini sabda DYTm lagi,

Oleh: Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

bukan sahaja akan memperkukuh kedudukan Mazhab Syafi'i, bahkan menjadi benteng kepada masyarakat daripada terpengaruh dengan pandangan yang cuma berasaskan populariti tetapi tiada mempunyai sandaran sahih dalam agama.

Terdahulu, DYTm dalam sabdanya menahirkan rasa syukur atas pencapaian Institusi Fatwa di negara ini yang dilihat berjaya memainkan peranan signifikan dalam mengeluarkan Fatwa dan memberikan Irsyad kepada masyarakat.

Fatwa dan Irsyad adalah pasak memelihara keharmonian hidup beragama sesuai dengan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah Mazhab Syafi'i.

Penubuhan Institusi Fatwa di negara ini bermula pada tahun 1962, diilhamkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien yang sangat menitikberatkan semua urusan yang berkait dengan agama Islam.

Pada tahun tersebut, satu

bahagian yang bertanggungjawab dalam hal ehwal fatwa telah ditubuhkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama sebagai langkah awal memperkukuh kedudukan fatwa dalam sistem pentadbiran agama negara.

DYTm dalam sabdanya juga tidak lupa merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Jabatan Mufti Kerajaan, selaku penganjur utama, berserta semua organisasi dalam dan luar negara yang turut bekerjasama menayakan persidangan berkenaan.

DYTm turut mengalu-alukan kehadiran para delegasi dari luar negara ke Negara Brunei Darussalam, dan mengucapkan selamat bersidang serta bermuzakarah dan turut mendoakan agar hubungan erat antara para ilmuwan, pakar dan sarjana rantau ini akan terus diperkukuh demi memartabatkan lagi kedudukan Islam di Asia Tenggara.

BERKENAN MERASMIKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MAZHAB SYAFI'I

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan, berkenan berangkat bagi merasmikan Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i bersempena 60 Tahun Institusi Fatwa Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin; dan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Pengerusi Bersama Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran surah Al-'Alaq, bermula dari ayat 1 hingga 19, yang dibacakan oleh mahasiswa Tahun 1, Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Awang Hamiz Mirza bin Haji Sudirman



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i bersempena 60 Tahun Institusi Fatwa di Negara Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas kiri dan atas kanan).

disusuli dengan sembah alu-aluan dari Rektor UNISSA.

Majlis diteruskan dengan sabda Duli Yang Teramat Mulia, dan diikuti dengan sabda perasmian persidangan tersebut oleh DYT. M.

DYTM kemudian berkenan menyempurnakan pelancaran buku.

Majlis diteruskan dengan pembentangan Kertas Perdana yang mengupas tema persidangan yang disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang

Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebelum berangkat balik, DYT dijunjung berangkat bagi menyaksikan buku-buku terbitan terbaharu Jabatan Mufti Kerajaan dan UNISSA.

Sebanyak 14 buah buku yang dilancarkan adalah himpunan fatwa berjilid yang menghimpunkan Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dari tahun 1994

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin



hingga 2023.

Buku tersebut mengandungi fatwa yang difatwakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan dan ia mula diterbitkan pada tahun 1994.

Di samping memberikan jawapan hukum, buku tersebut secara tradisi mempunyai ciri-ciri penyebaran ilmu pengetahuan Islam yang ada kaitan dengan hukum yang disampaikan.

Ciri sedemikian menjadikan hukum yang diputuskan senang dihayati. Buku Fatwa Mufti

Kerajaan diterbitkan setiap tahun.

Manakala, sebanyak 13 buah buku yang diterbitkan oleh Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, UNISSA termasuk buku-buku yang bertajuk: Khazanah Mazhab Syafi'i di Negara Brunei Darussalam; Mazhab Syafi'i di Alam Melayu: Penyerasian Pemikiran Maqasidi dan Hukum-Hakam Masjid Terbiar dalam Perspektif Mazhab Syafi'i di Negara Brunei Darussalam.

Tema Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i iaitu 'Mazhab Syafi'i dalam era digital: Relevan dan Cabaran'.

Masyarakat era digital ialah sebuah masyarakat yang dapat menguasai kehidupan di alam maya dan alam fizikal.

>> Muka 6



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut (kanan dan bawah kiri) manakala gambar bawah tengah, antara yang ikut serta membuat persembahan.



BACAAN Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.



BACAAN ayat-ayat suci Al-Quran yang dibacakan oleh mahasiswa Tahun 1, Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Awang Hamiz Mirza bin Haji Sudirman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

Di samping itu, Persidangan itu juga diadakan bersempena dengan Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2025 (Brunei MYCE 2025).

Dengan adanya Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i ini diharapkan membincangkan topik-topik kontemporari dan bersesuaian dengan tema persidangan tersebut bersempena dengan 60 tahun tertubuhnya institusi fatwa di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, sebuah Kertas Perdana, 12 Kertas Ucaptama serta sebanyak 108 pembentang selari dan seramai 203 peserta dari dalam dan luar negara; Singapura, Indonesia dan Malaysia terlibat di sepanjang dua hari Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i diadakan.

>> Muka 5

Jika Masyarakat 4.0 hanya mampu mengakses maklumat atau berbagai-bagai bentuk informasi di alam maya tetapi Masyarakat 5.0 ini dapat menganalisa maklumat tersebut menggunakan 'Kecerdasan Buatan' atau Artificial Intelligent (AI), dan hasil tersebut dikembalikan kepada manusia di ruang nyata dalam berbagai-bagai bentuk yang mengatasi kemampuan manusia. Kesannya, proses ini akan memberikan nilai baharu kepada industri dan masyarakat yang sebelum ini adalah mustahil

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung berangkat bagi menyaksikan buku-buku terbitan terbaharu Jabatan Mufti Kerajaan dan UNISSA (kanan dan kanan sekali).

dilakukan oleh manusia.

Persidangan tersebut akan berlangsung selama dua hari bermula hari ini merupakan anjuran yang diterajui bersama oleh UNISSA dan Jabatan Mufti Kerajaan dengan kerjasama

strategik daripada pelbagai institusi dalam dan luar negara, antaranya Fakulti Syariah, UNISSA; Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Malaysia; Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia; Majelis Ulama

Indonesia; Universitas Islam Negeri, Sunan Ampel Surabaya; The World Islamic Science & Education University (Wise), Jordan dan Rabithah Antarabangsa Alumni Al-Azhar, Brunei Darussalam.



HASRAT PERKUKUH PERANAN MAZHAB SYAFI'I DI ERA DIGITAL

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Selasa, 3 Jun. – Sesungguhnya, kita sedang berdepan dengan gelombang teknologi yang mengubah bukan sahaja cara hidup, bahkan cara mereka berfikir, meneliti dan mengeluarkan hukum. Maka dengan perkembangan ini, adalah menjadi tanggungjawab mereka bersama untuk memastikan warisan Mazhab Syafi'i yang bersifat universal dan merentasi zaman terus subur, dapat difahami dan dipraktikkan.

Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Pengerusi Bersama Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i, menyebarkan, persidangan itu akan membincangkan isu-isu kontemporari yang selari dengan tema.

"Perhimpunan para sarjana dalam satu bumbung ini dihasratkan untuk dapat memperkukuhkan lagi peranan Mazhab Syafi'i sebagai panduan umat di era digital lebih-lebih di rantau ini," sembah Rector UNISSA dalam sembah

alu-aluannya semasa Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i bersempena 60 Tahun Institusi Fatwa Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Terdahulu itu, Rector UNISSA menyebarkan bahawa keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan sangat besar maknanya dan menjadi pendorong seluruh warga akademik dalam mengangkat martabat ilmu dan ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan Mazhab Syafi'i dalam era digital ini.

Menyentuh mengenai Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i ini, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan menjelaskan bahawa, ia merupakan penganjuran bersama antara UNISSA melalui

Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i dan Jabatan Mufti Kerajaan bersempena penubuhan 60 tahun Institusi Fatwa di negara ini.

Di samping itu menurutnya, persidangan ini juga mendapat kerjasama daripada institusi dalam dan luar negara antaranya Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Malaysia; Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; Majelis Ulama Indonesia; Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya; The World Islamic Science & Education University (WISE), Jordan, Fakulti Syari'ah UNISSA dan Rabithah Antarabangsa Alumni al-Azhar, Brunei Darussalam.

Persidangan kali ini ujarnya, membawa tema 'Mazhab Syafi'i Dalam Era Digital: Relevan dan Cabaran', yang mana tema ini sangat signifikan untuk dibahaskan secara ilmiah kerana ia menyentuh dua dimensi penting; pertama warisan ilmu yang kukuh; dan kedua realiti dunia moden yang pantas berubah.

Sembah Rector UNISSA lagi, kita kini hidup dalam era digital iaitu generasi kelima dalam evolusi masyarakat, di mana teknologi bukan sekadar alat, tetapi telah mencipta cara hidup, nilai, dan interaksi baharu.

Tambahnya, berbeza dengan generasi sebelumnya, masyarakat hari ini bukan sahaja mampu mengakses maklumat di alam maya, malah mampu pula menganalisisnya menggunakan Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI), di mana hasil analisis tersebut dikembalikan ke dunia nyata dalam bentuk yang kadangkala mengatasi kemampuan manusia biasa.

Fenomena ini tekannya, bukan hanya membawa peluang besar, tetapi juga cabaran besar,

terutamanya dalam memastikan kefahaman agama, khususnya Mazhab Syafi'i tetap teguh, relevan, dan mampu membimbing umat di tengah arus digitalisasi yang pantas.

Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan seterusnya menyebarkan bahawa persidangan itu akan berlangsung selama dua hari, dan akan mengupas isu-isu berkaitan tema yang telah ditetapkan.

Sebuah kertas perdana jelasnya, akan disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, sementara seramai 12 orang pembentang ucapatama dan ahli panel jemputan akan membentangkan kertas-kertas utama mereka dalam sesi pembentangan utama dan Muzakarah Ulama Nusantara

Para pembentang jemputan ini terangnya, terdiri daripada tokoh-tokoh dan para ilmuwan agama daripada Universiti al-Azhar, Mesir, Negara Jordan, Arab Saudi, Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand.

Di samping itu ujarnya, persidangan ini juga telah berjaya menarik seramai 108 pembentang dan seramai 203 peserta daripada institusi pengajian tinggi dan para pengamal institusi fatwa dari dalam dan luar negara serta pelajar siswazah.

Pengisian persidangan ini tegasnya, diharapkan akan membuahkan natijah yang bermanfaat, memperkukuh jaringan keilmuan serta menjadi titik tolak kepada usaha berterusan memperkasa Mazhab Shafi'i secara kolektif dan berstrategik.

"Dalam kesempatan ini,



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali selaku Pengerusi Bersama Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i dalam sembah alu-aluannya.

Hamba Duli Tuanku mewakili Jawatankuasa Pandu Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, dengan kemurahan dan keagungan-Nya, agar kekalkan nikmat kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan untuk raja yang kami kasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memelihara Baginda dengan sebaik-baik peliharaan-Nya dan menjauhkan Baginda dan rakyat sekaliannya dari bala bencana, penyakit dan dari segala keburukan. Sesungguhnya Engkau jualah sebaik-baik pemelihara. Mohon Ya Allah, Engkau berkati umur raja kami Ya Allah. Hias Baginda dengan pakaian iman dan takwa. Sentiasa di dalam petunjuk hidayahMu memimpin Negara menuju keredaanMu. Ya Arhamar Rahimin," tambahannya lagi.



ANTARA yang hadir pada persidangan berkenaan.

BERANGKAT MENZIARAHI JENAZAH ALLAHYARHAM MANTAN MENTERI HAL EHWAL UGAMA

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas



LAMBAK, Isnin, 2 Jun.- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan, berkenan berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, mantan Menteri Hal Ehwat Ugama, di kediaman Allahyarham di Jalan Pasir Berakas.

Sejurus keberangkatan tiba, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyertai Sembahyang Jenazah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Selepas Sembahyang Jenazah di kediaman Allahyarham, jenazah Allahyarham disemabayangkan lagi di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, sebelum disemadikan.

Allahyarham Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain lahir pada 30 Ogos 1936 di Kampung Lorong Sikuna, Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan).

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Pekan Brunei, Allahyarham kemudian melanjutkan pembelajaran di Sekolah Arab Aljunied, Republik Singapura pada 1950 dan Kolej Islam Kelang, Selangor pada 1956.

Selepas itu, Allahyarham

menyambung pengajian di Universiti Al-Azhar, Mesir (1959 hingga 1963) dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Undang-undang Islam.

Pada 1978, Allahyarham telah dianugerahkan Doktor Kehormat dalam bidang agama Islam dari Universiti Islam Syarif Hidayatullah Jakarta, Republik Indonesia, dan telah dianugerahkan Doktor Kehormat Persuratan dari Universiti Brunei Darussalam pada 18 September 1999.

Allahyarham mula berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Timbalan Kadi Besar pada 11 Disember 1963, dan kemudian dinaikkan ke beberapa pangkat jawatan seperti Setiausaha Jabatan Hal Ehwat Ugama, Brunei (1 Februari 1965); Kadi Besar (1 Oktober 1967); Pengetua Pegawai Hal Ehwat Ugama, Brunei (1 November 1970) dan Menteri Hal Ehwat Ugama, Negara Brunei Darussalam (21 Oktober 1986 hingga 2010).

Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Allahyarham telah disampiri gelaran Manteri 16 iaitu, 'Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Wangsa' pada 30 Januari 1968.

Setelah itu, Allahyarham

dinaikkan pangkat gelaran Manteri 8, iaitu menjadi 'Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja' pada 15 Julai 1969 dan seterusnya dinaikkan pangkat gelaran Manteri 4, iaitu 'Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja' pada 26 Ogos 1992.

Selain itu juga, Allahyarham telah dikurniakan dengan beberapa Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam.

Allahyarham mula berkarya dalam penulisan pada 1950, dan kebanyakan hasil-hasil penulisan Allahyarham diterbitkan oleh agensi-agensi kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Kementerian Hal Ehwat



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan di kediaman Allahyarham Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, mantan Menteri Hal Ehwat Ugama di Jalan Pasir Berakas (atas), manakala gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyertai Sembahyang Jenazah.

Ugama.

Di samping itu, hasil-hasil penulisan Allahyarham juga diterbitkan oleh penerbit dan pencetak dari luar negara.

Di atas sumbangan besar dalam bidang penulisan, Allahyarham telah dianugerahkan dengan Anugerah Penulis Asia Tenggara (S.E.A Write Award) di Bangkok, Thailand pada 1991; Anugerah Belia Berjasa pada 2006, Anugerah Penulisan Islam (API) pada 2011, dan Anugerah Sastera Mastera pada 2011.

Antara kewajipan dalam gelaran Allahyarham termasuk bertanggungjawab memerhatikan hal ehwal kesempurnaan kelengkapan istiadat di luar, bertanggungjawab mengawasi, mengatur dan menentukan hal ehwal istiadat yang dijalankan di dalam atau di luar istana seperti

Istiadat Perangkatan Diraja dan sebagainya; bertanggungjawab memerhatikan dan menyelidik perkara-perkara yang berkenaan dengan hal ehwal perjalanan dan perkembangan Istiadat Diraja dalam dan luar istana termasuk memperelokkannya untuk memelihara nama baik negara sama ada di dalam atau di luar negara yang akan disebarkan kepada Pengiran Pemancha, dan bertanggungjawab mengadakan penyelidikan dan pengkajian mengenai dengan masalah yang terkandung di dalam adat Istiadat Diraja untuk disemabaklumkan kepada Sultan.

Allahyarham telah kembali ke rahmatullah pada Ahad, 5 Zulhijah 1446 Hijrah bersamaan 1 Jun 2025, jam 9.26 malam di Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC), ketika berusia 88 tahun.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain (atas).

JENAZAH Allahyarham disemabayangkan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, sebelum disemadikan (kanan), manakala gambar kiri, suasana di luar rumah kediaman Allahyarham Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin.



KEWUJUDAN MAZHAB SEBAGAI RUJUKAN YANG SAHIF



YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa membentangkan Kertas Perdana menerusi rakaman video pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i Bersempena 60 Tahun Institusi Fatwa Negara Brunei Darussalam.

BERAKAS, Selasa, 3 Jun. - Sejarah wujudnya mazhab adalah bermula dari adanya perbezaan pendapat setelah wafatnya Nabi kita Sayyidina Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*.

Perbezaan itu semakin meluas di kalangan para sahabat dan dalam era *tabi'en*, perbezaan pendapat bersifat lebih sistematik melalui ijtihad dan akhirnya lahirlah mazhab-mazhab utama: Mazhab Imam Abu Hanifah, Mazhab Imam Malik, Mazhab Imam Syafi'i dan Mazhab Imam Ahmad bin Hanbal. Ridwanullahi 'alaihim, bahawa mereka ini berijtihad berdasarkan al-Qur'an, al-Sunnah, Ijma' dan Qias.

Perkara demikian dinyatakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa membentangkan Kertas Perdana menerusi rakaman video pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i Bersempena 60 Tahun Institusi Fatwa Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Menurut Yang Berhormat, mereka muncul bukan untuk memecah-belahkan umat tetapi untuk membantu kita bagaimana memahami dalil-dalil syara'. Maka oleh itu, wujudnya mazhab tegasnya adalah sangat mustahak sebagai rujukan yang sahif.

Tambah Yang Berhormat, di zaman kita ini, berlaku pendirian yang sihat menghormati mazhab-mazhab. Ditambah lagi dengan raja-raja menjadi ketua-ketua ugi turut menambahkan lagi indahnya kehidupan berugi.

"Raja-raja melantik mufti-mufti selaku penunjuk jalan : Mana jalan yang lurus menuju ke Syurga dan mana pula jalan yang bengkok menuju Neraka. Maksud jalan yang lurus di sini ialah Hukum Syara' (Undang-Undang Allah *Ta'ala*)," tegas Yang Berhormat.

Dua-dua institusi (raja dan 'ulama), jelas Yang Berhormat sama-sama berkongsi peranan untuk menentukan jalan yang lurus, sehingga tidak diragukan lagi, dua-dua institusi ini telah pun menyempurnakan tanggungjawab masing-masing dengan sesempurnanya.

"Alhamdulillah, saya bertawakal mewakili para Mufti yang ada hadir di sini, bahawa kami amat bersyukur telah ditakdirkan dapat berkhidmat di bawah raja-raja yang budiman yang baik-baik, sementara kami juga Insya Allah

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

akan terus berusaha untuk menjadi para 'ulama yang baik, bagi memenuhi kehendak hadits Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang bermaksud : "Ada dua, jika dua-dua ini baik dan bagus, nescaya baik dan baguslah umat, sebaliknya jika dua-dua tidak bagus (rosak), nescaya rosaklah umat." (Siapakah mereka?), iaitulah 'ulama' (para ahli ilmu) dan 'Umar (para raja-raja atau penguasa)," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan kalau umat mahu bagus, mahu selamat, mahu tidak binasa, tidak rosak, maka, tegasnya 'Umar (para raja) dan 'ulama' mestilah sama-sama bagus, sama-sama lurus: Bagus dan lurus dalam semua tindak tanduk masing-masing.

Inilah, tegas Yang Berhormat, perkara yang mesti ada jika kita mahu Allah menyelamatkan kita, maka raja dan 'ulama janganlah bersengketa tetapi wajib sama-sama patuh dan tunduk kepada kebenaran. Kadang-kadang 'ulama membuat teguran, sedang raja pula berlaku adil menilai teguran. Jika teguran itu benar, maka wajiblah ia terima dengan hati yang putih jernih.

Ketika inilah, tambah Yang Berhormat lagi dua-dua pihak, raja dan 'ulama akan sama-sama dikasihi dan dirahmati oleh Allah, kerana sikap mereka yang ikhlas sama-sama mengagungkan kebenaran.

"Perkara ini, ada contohnya dalam sejarah, iaitu pada suatu hari, Sayyidina 'Umar, raja orang-orang beriman telah didatangi oleh seorang perempuan yang sedang mengandung. Perempuan ini mengaku berzina, dan anak di dalam kandungannya adalah anak zina. Sayyidina 'Umar (selaku raja) telah mengambil keputusan untuk menghukum perempuan ini dengan seratus (100) rotan. Apabila 'Umar (selaku raja) bangun untuk melaksanakan hukuman, maka Sayyidina 'Ali (selaku 'ulama), dengan cepat menyergah – berkata : "Cilaka, wahai raja orang-orang yang beriman, cilaka!"

"Bertanya 'Umar: "Apa yang cilaka, wahai 'Ali?" Berkata Sayyidina 'Ali : "Bagaimana mungkin untuk tuan merotannya wahai Amirul Mukminin, sedang perempuan ini mengandung? Kalau tuan ada kuasa untuk merotan belakangnya, tetapi tuan tidak ada kuasa untuk merotan apa yang ada di dalam perutnya. Sesungguhnya apa yang ada di dalam perutnya itu adalah bersih belaka, tiada sebarang dosa. Oleh itu, lepaskanlah dia (perempuan ini) sehingga dia melahirkan. Kemudian selepas itu barulah tuan menghukumnya," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengajak kita sama-sama melihat, apa reaksi 'Umar (selaku raja) apabila menerima tawaran daripada 'Ali (selaku 'ulama)? Adakah 'Umar mengambil tindakan ke atas 'Ali? Jika 'Umar mengambil tindakan, tindakan apa? Adakah 'Umar (raja) menghukum 'Ali ('ulama)? Adakah 'Umar memecat 'Ali? Atau memenjarakan 'Ali? Atau setidak-tidaknya marah kepada 'Ali dengan kemarahan yang berapi-rapi?

Mari kita, katanya camkan baik-baik reaksi 'Umar. Reaksi 'Umar: Beliau bukan marah, jauh sekali menghukum 'Ali, bukan! Tetapi sebaliknya menghargai 'Ali dengan berkata: "Kalaulah, bukan

kerana 'Ali menegur 'Umar, nescaya binasalah 'Umar! Andainya bukan kerana 'Ali mengingatkan 'Umar, nescaya binasa 'Umar!"

"Ini, contoh pendirian dua insan ternama yang telah dijanjikan Syurga oleh Allah kepada mereka. Mereka sama-sama sejalan dalam mendaulatkan hukum Allah. 'Ali selaku 'ulama berani menegur 'Umar (raja), dan 'Umar pula selaku raja bersedia menerima teguran 'Ali, bukan menghukum 'Ali," jelas Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat menyampaikan lagi satu contoh, juga dalam masa pemerintahan Amirul Mukminin 'Umar *Radhiallahu 'anh*. Beliau, katanya telah didatangi oleh seorang perempuan mengadu : "Wahai Amirul Mukminin, saya telah diperkosa oleh seseorang, dan buktinya ini, air lelaki yang memperkosa saya itu masih sahaja melekat di baju saya".

Sayyidina 'Umar mendapati memang betul, ada air melekat di baju perempuan. Namun sebelum mengambil keputusan, raja orang-orang beriman 'Umar, menoleh kepada 'Ali bin Abi Thalib meminta pandangan: "Apa pandanganmu, wahai 'Ali".

"Mengapa 'Umar Amirul Mukminin meminta pandangan 'Ali? Kerana 'Ali adalah ulama, sebagaimana Nabi bersabda: "Aku adalah kota ilmu, sedang 'Ali pintunya – pintu ilmu itu." Nampak kita di sini, 'Umar (raja) bertanya kepada 'Ali (ulama)," katanya.

Apa kata 'Ali, ahli ilmu ini? Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, 'Ali berkata : "Wahai Amirul Mukminin, jangan jalankan dahulu hukuman, sehingga kita mendapati bukti. Mana tahu lelaki yang dituduh mangsa fitnah?"

Bukti apa lagi, wahai 'Ali? Bukankah semuanya sudah jelas? Mangsa sendiri pun ada hadir di hadapan kita membuat pengakuan (ikrar) dan disokong pula oleh bahan bukti, iaitu air lelaki yang melekat di bajunya?

Menghujah 'Ali: "Tidak wahai Amirul Mukminin. Kita belum mengujinya. Kita mesti menguji terlebih dahulu air yang melekat itu". Ujian apa lagi wahai 'Ali?

Kalau dalam abad ke-21 ini, jelas Yang Berhormat, ujian itu boleh saja melalui DNA. Tetapi pada zaman itu, katanya belum berbangkit DNA. Begitu juga belum didengar istilah makmal. Jadi dengan apakah air lelaki itu diuji?

NABI Shallallahu 'alaihi wasallam sampai bersabda mengenai orang 'Alim (bermaksud) : "Barang siapa menziarahi orang 'Alim, seolah-olah dia menziarahiku. Barang siapa menjabat tangan orang 'Alim, seolah-olah dia menjabat tanganku. Barang siapa yang duduk dengan orang 'Alim, seolah-olah dia duduk denganku (di dunia ini), dan barang siapa yang duduk denganku di dunia, aku akan dudukan dia berhampiran denganku di dalam Syurga". Dalam pada itu, katanya orang 'Alim jangan pula lupa, bahawa di sana terdapat amaran keras daripada Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam kepada orang 'Alim, Baginda bersabda: "Sesungguhnya manusia yang paling dahsyat akan diazab pada Hari Kiamat ialah orang 'Alim yang ilmunya tidak memberi manfaat kepadanya".

Berkata 'Ali ahli ilmu ini: "Kita akan masak air sampai mendidih, kemudian kita tuangkan air mendidih itu ke atas air yang melekat di baju. Kalau betul air yang melekat itu air mani lelaki, nescaya ia akan hilang begitu saja. Tetapi kalau air itu bukan air mani, katakan ia mungkin "putih telur", maka ia pasti masak dan membeku. Nah, sekarang mari kita uji ia," Ujar 'Ali.

Apabila dilakukan ujian, air yang melekat itu didapati beku. Beku! Menunjukkan ia bukan air mani, tetapi "putih telur" yang sengaja diletak oleh perempuan jahat untuk memfitnah seorang lelaki yang tidak berdos.

Nampak kepada kita, tegas Yang Berhormat betapa hebatnya ilmu Sayyidina 'Ali *Karramallahu wajhah*, sehingga beliau dapat dianggap, bukan sahaja setakat seorang ahli perundangan yang luar biasa, bahkan juga seorang saintis yang bertaraf pelopor.

"Ya, betapa luhurnya ilmu itu, betapa besar kuasanya, sehingga mampu untuk menghuraikan apa sahaja masalah yang kusut-kusut atau rumit," tegasnya.

Kerana itulah, katanya Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* sampai bersabda mengenai orang 'Alim (bermaksud) : "Barang siapa menziarahi orang 'Alim, seolah-olah dia menziarahiku. Barang siapa menjabat tangan orang 'Alim, seolah-olah dia menjabat tanganku. Barang siapa yang duduk dengan orang 'Alim, seolah-olah dia duduk denganku (di dunia ini), dan barang siapa yang duduk denganku di dunia, aku akan dudukan dia berhampiran

denganku di dalam Syurga".

Dalam pada itu, katanya orang 'Alim jangan pula lupa, bahawa di sana terdapat amaran keras daripada Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* kepada orang 'Alim, Baginda bersabda: "Sesungguhnya manusia yang paling dahsyat akan diazab pada Hari Kiamat ialah orang 'Alim yang ilmunya tidak memberi manfaat kepadanya".

Menurut Yang Berhormat, ilmu yang tidak memberi manfaat itu, antaranya ialah ilmu yang tidak diamalkan, atau ilmu yang tidak dikongsi untuk keperluan umat atau ilmu yang sengaja dibisukan kerana takut kepada manusia lebih dari takut kepada Allah, atau ilmu yang digunakan untuk memanipulasi ketua iaitu raja atau ulul amri bagi kepentingan peribadi dan lain-lain lagi kecurangan yang tidak diredai oleh Allah.

Apa benarkah ada ulama yang seperti ini? Menurut Yang Berhormat, memang ada, mereka itu dipanggil dengan panggilan 'Ulama Suu' ertinya: 'Ulama jahat'.

Namun, tegas Yang Berhormat, kita amat optimis lagi yakin, bahawa 'ulama serantau Insya Allah adalah 'ulama yang baik-baik belaka, bukan ulama 'Suu' atau 'ulama jahat, dan begitu juga raja-raja atau penguasa kita adalah mereka yang rata-rata budiman lagi soleh, menjadi pemimpin dan ketua ugi yang adil yang sangat mesra dan menghormati para 'ulama, yang lantaran itu takhta-takhta mereka pun sehingga kini masih tegak dikekalkan oleh Allah hampir mencecah seribu tahun.

Keputusan HECAS 2025 dikeluarkan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Jun. - Pengumuman keputusan pengambilan melalui HECAS bagi kemasukan bulan Ogos 2025 bagi Sesi Akademik 2025 / 2026 bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Universiti Teknologi Brunei dan Politeknik Brunei akan dikeluarkan pada Selasa, 3 Jun 2025, pukul 9.00 pagi.

Pemohon-pemohon bolehlah mengakses akaun HECAS masing-masing untuk mengetahui status permohonan di laman sesawang HECAS iaitu <https://hecas.moe.gov.bn>.

Manakala, surat tawaran akan die-mel oleh pihak IPTA kepada pemohon yang berjaya oleh IPTA masing-masing dan tarikh akhir untuk menerima/menolak tawaran adalah pada Rabu, 18 Jun 2025, pukul 4.00 petang.

Bagi pemohon yang tidak berjaya tetapi memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan oleh

IPTA dan berhasrat untuk membuat rayuan, pemohon hendaklah mengambil perhatian mengenai perkara-perkara berikut iaitu bagi pemohon yang tidak berjaya tetapi memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan oleh IPTA dan berhasrat untuk membuat rayuan, mereka akan diberikan tempoh tiga hari waktu bekerja bagi menghadapi rayuan bermula 4 Jun 2025.

Hari terakhir untuk menghadapi surat rayuan dan dokumen yang berkenaan adalah pada 9 Jun 2025 sebelum pukul 4.00 petang dan pemohon disarankan untuk memohon ke program yang berlainan daripada permohonan awal.

Keterangan lanjut mengenai proses rayuan boleh didapati di laman sesawang HECAS, <https://hecas.moe.gov.bn>.

Untuk sebarang pertanyaan, pemohon boleh berhubung terus dengan Pentadbiran HECAS melalui e-mel di ask.hecas@moe.gov.bn atau melalui nombor telefon +673 2381992 / +673 2381224 semasa waktu pejabat.

ACARA KEAGAMAAN 25 TAHUN DESENTRALISASI PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN ASASI



YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sembahyang Maghrib Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan (kiri dan kanan).

BERAKAS, Isnin, 2 Jun. - Bersempena memperingati Sambutan 25 Tahun Desentralisasi Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi, Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Sembahyang Maghrib Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan. Hadir selaku tetamu kehormat di majlis berkenaan ialah Menteri

Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Pemangku Menteri Kesihatan. Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan Bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai. Sementara itu, Doa Kesyukuran Khas sempena Sambutan 25

Tahun Desentralisasi Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi dibacakan oleh Ketua Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Ahmad Syuja'iee bin Begawan Mudim Haji Matassim.

Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi telah dipindahkan atau *decentralised* dari hospital-hospital ke pusat-pusat dan klinik-klinik kesihatan bermula pada 1 Jun 2000. Dan pada tahun ini, genap 25 tahun desentralisasi Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi di Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Pengiran Haji Yusoff; Pemangku bin Pengiran Haji Ismail; Ketua Pengarah Perkhidmatan ketua-ketua jabatan berserta Perubatan dan Kesihatan, pegawai-pegawai dan kakitangan Pengiran Dr. Haji Mohd. Khalifah di Kementerian Kesihatan.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Di kesempatan ini, seperti tahun-tahun sebelumnya, saya turut merakamkan rasa gembira dengan kehadiran Ahli-ahli PERWIRA, iaitu Persatuan Bekas Perajurit ABDB. Saya sukacita mengiktiraf komitmen dan sumbangan PERWIRA dalam melaksanakan serta penglibatan aktifnya dalam pelbagai aktiviti kenegaraan, keagamaan dan kebajikan.

Di atas semangat, sumbangan dan pengorbanan yang berterusan ini, saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta berdoa semoga mereka diberikan kesihatan dan kekuatan untuk terus produktif dalam bersama-sama menabur jasa dan bakti yang bermakna kepada negara.

Buat akhirnya, saya mengucapkan selamat menyambut dan meraikan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-64 kepada seluruh warga ABDB yang sedang berkhidmat di dalam dan luar negeri serta mereka yang telah pun bersara. Saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam upacara perbarisan pagi ini serta semua ahli jawatankuasa sambutan pada tahun ini. Saya doakan agar ABDB akan sentiasa dalam rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua dan terus maju jaya. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh.*

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

Tanda pengiktirafan, penghargaan kepada warga KSSUP

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Jun. - Seramai 78 warga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) diraikan pada Majlis Penyampaian Pengurniaan Pingat Kerja Lama (P.K.L.) sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 bagi 2024.

Majlis anjuran KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan KSSUP, di sini.

Penyampaian Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam berkenaan

disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Pengurniaan pingat berkenaan adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada warga KSSUP atas jasa dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan.

Selain itu, ia juga sebagai penyuntik semangat kepada warga kementerian untuk meningkatkan lagi prestasi kerja serta terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan cemerlang.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyampaikan pingat kepada para penerima (kiri dan kanan).

Binatang Korban Hilang

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

HUKUM melakukan ibadah korban adalah sunat *mu'akkadah* ke atas orang Islam yang baligh, berakal, merdeka dan berkemampuan untuk berkorban. Waktu menyembelih binatang korban bermula selepas matahari terbit pada Hari Raya Adha dan berlalu kadar waktu sembahyang dua rakaat serta dua khutbah ringkas sembahyang Hari Raya Adha. Waktu menyembelih binatang korban itu berlanjutan sepanjang hari-hari *Tasyriq* sehingga matahari terbenam pada 13 Zulhijjah.

Sebahagian orang yang hendak melakukan ibadah korban itu membuat persiapan lebih awal seperti membeli binatang korban sebelum tiba waktu berkorban. Manakala orang yang memiliki binatang yang memadai untuk dibuat korban pula memilih atau mengasingkan binatang miliknya untuk tujuan tersebut. Namun apa yang terjadi adakalanya binatang korban tersebut hilang sebelum masuk waktu berkorban, atau hilang setelah masuk waktu berkorban akan tetapi belum sempat menyembelihnya. Dalam keadaan seperti ini, adakah wajib dia menyembelih binatang lain sebagai ganti jika binatang korban yang hilang itu tidak dijumpai? Berikut penjelasan mengenainya.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Majmu'* jika binatang korban yang hilang ialah binatang korban sunat, maka orang yang berkorban tidak diwajibkan untuk melakukan apa-apa seperti menggantinya, akan tetapi jika binatang korban sunat tersebut dijumpai semula sebelum matahari terbenam pada 13 Zulhijjah, maka disunatkan bagi orang yang berkorban menyembelih binatang tersebut dan menyedekahkannya kepada fakir miskin. Beliau berkata:

Ertinya: Jika hilang *al-hadyu* (binatang yang disembelih di Makkah untuk tujuan *taqarrub*) atau binatang korban yang kedua-duanya itu adalah sunat, tidak diwajibkan baginya suatu apapun, namun disunatkan untuk menyembelihnya apabila dia menjumpainya semula dan menyedekahkannya.

Jika binatang korban sunat yang dijumpai semula itu tidak disembelih dalam waktu berkorban, maka luput ibadah korban pada tahun tersebut bagi orang yang berkorban sunat itu. Jika binatang korban tersebut disembelih setelah luput waktu berkorban, maka ia dikira sebagai sembelihan biasa sahaja dan bukan sebagai ibadah korban.

Jika binatang korban yang hilang itu ialah binatang korban wajib, maka ia tertakluk kepada dua keadaan berikut:

i. Binatang korban yang ditentukan dari awal nazar

Jika orang yang bernazar itu

menentukan binatang miliknya sebagai korban dari awal nazarnya, contohnya dia berkata: "*Aku bernazar untuk menjadikan kambing ini sebagai korban.*" Maka, kambing yang ditentukannya itu adalah binatang korban wajib. Hak pemilikannya terhadap kambing itu terlucut setelah ditentukannya sebagai nazar dan ia tidak boleh dijual atau seumpamanya, atau diganti dengan kambing lain walaupun dengan yang lebih baik daripadanya.

Wajib bagi orang yang bernazar tersebut menyembelih kambing yang ditentukannya itu pada waktu berkorban tahun itu setelah dia bernazar. Jika kambing itu tidak disembelih sehingga luput waktu berkorban, maka dia tetap diwajibkan untuk menyembelih kambing tersebut selepas waktu berkorban dan dikira sebagai qadha'.

Jika kambing yang ditentukannya dari awal nazarnya itu hilang, maka tuntutan seperti mencarinya, menggantinya atau tuntutan menyembelihnya jika dijumpai semula tertakluk kepada dua keadaan berikut:

a. Hilang bukan disebabkan kecuaiian

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, jika binatang korban yang ditentukan dari awal nazar itu hilang bukan disebabkan kecuaiian orang yang bernazar, maka wajib bagi orang yang bernazar mencari binatang korban tersebut sekiranya usaha mencarinya tidak memerlukan perbelanjaan. Namun jika usaha untuk mencarinya memerlukan perbelanjaan, maka tidak diwajibkan untuk mencarinya.

Menurut beliau lagi, jika binatang korban yang hilang bukan disebabkan kecuaiian itu tidak dijumpai semula, sama ada ia hilang sebelum masuk waktu berkorban, atau hilang setelah masuk waktu berkorban akan tetapi sebelum dia sempat menyembelihnya, maka tidak wajib bagi orang yang bernazar untuk menggantinya sebagaimana katanya:

Ertinya: Jika binatang korban (nazar yang ditentukan itu) binasa, hilang, dicuri atau menjadi cacat dengan kecacatan yang menghalang daripada (ia) memenuhi (syarat korban) sebelum waktu berkorban tanpa kecuaiian, atau dalam waktunya (berkorban) sebelum ada kesempatannya (orang yang bernazar) untuk menyembelihnya dan juga tanpa kecuaiian, maka tidak ada suatu pun (yang dikenakan) ke atasnya (orang yang bernazar). Maka tidak wajib baginya (untuk mengadakan) ganti (binatang korban) kerana pemilikan orang yang bernazar terhadapnya terlucut dengan kewajipan (nazar). Maka, bagi dirinya binatang korban tersebut adalah seperti wadi'ah (barang yang diamanahkan).

Jika binatang korban yang hilang itu dijumpai semula dalam waktu berkorban, maka wajib disembelih dalam waktu tersebut.

Syaikh Zakariyya al-Anshari *Rahimahullah* dalam kitabnya *Asna al-Mathalib* pula menyatakan jika binatang korban wajib yang hilang itu dijumpai semula setelah luput waktu berkorban, maka binatang tersebut tetap wajib disembelih pada waktu ia dijumpai semula sebagai qadha'. Beliau berkata:

Ertinya: Maka jika dia menjumpainya (binatang korban nazar yang hilang) setelah luput waktu berkorban, (wajib) dia menyembelihnya (dan dikira) sebagai qadha', dan dia mengagihkannya sebagaimana pengagihan binatang korban, dan tidak menjadi kemestian baginya untuk menunggu sehingga (waktu berkorban tahun) hadapan, malah tidak dibolehkan baginya (berbuat sedemikian). Oleh itu, menjadi kemestian baginya melakukan penyembelihan pada ketika itu (setelah ia dijumpai semula) sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Mawardi *Rahimahullah* dan selainnya.

b. Hilang disebabkan kecuaiian


Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Majmu'*, jika binatang korban yang ditentukan dari awal nazar itu hilang kerana kecuaiian orang yang bernazar, maka diwajibkan baginya untuk mencari binatang tersebut walaupun usaha mencarinya memerlukan perbelanjaan. Jika binatang tersebut dijumpai semula dalam waktu berkorban, maka wajib disembelih dalam waktu tersebut.

Jika dia tahu bahawa binatang korban wajib yang hilang itu tidak akan dijumpai semula dalam hari-hari *Tasyriq*, maka wajib bagi orang yang bernazar menyembelih binatang yang lain dalam waktu berkorban sebagai ganti binatang yang hilang akibat kecuaiannya itu.

Syaikh Zakariyya al-Anshari *Rahimahullah* dalam kitabnya *Asna al-Mathalib* menyatakan bahawa jika binatang korban wajib yang hilang itu dijumpai semula setelah dia menyembelih binatang lain sebagai ganti, orang yang bernazar tetap wajib menyembelih binatang yang dijumpai semula itu kerana ia adalah binatang korban yang wajib disembelih pada asalnya dari awal orang itu bernazar.

ii. Binatang korban yang ditentukan kerana nazar tertanggung ke atas dirinya (*fi adz- dzimmah*)

Jika seorang bernazar untuk berkorban dan belum menentukan binatang tertentu untuk korban, contohnya dia berkata: "*Aku bernazar untuk berkorban pada tahun ini.*" atau dia berkata: "*Wajib atasku berkorban pada tahun ini.*" Setelah dia bernazar, dia menentukan binatang miliknya sebagai korban bagi menunaikan nazarnya, contohnya dia berkata: "*Lembu ini akan aku sembelih bagi menunaikan ibadah korban yang aku nazarkan pada tahun ini.*" maka lembu yang ditentukannya itu menjadi binatang korban wajib kerana menunaikan nazar yang tertanggung ke atas dirinya. Dengan penentuan tersebut,



hak pemilikannya terhadap lembu tersebut terlucut dan lembu tersebut tidak boleh dijualnya atau seumpamanya, atau diganti dengan lembu yang lain walaupun dengan yang lebih baik daripadanya.

Orang yang bernazar tersebut wajib menyembelih lembu yang ditentukannya itu pada waktu berkorban tahun itu.

Menurut Syaikh Zakariyya al-Anshari *Rahimahullah* dalam kitabnya *Asna al-Mathalib*, jika binatang korban yang ditentukannya bagi menunaikan nazar yang tertanggung atas dirinya itu hilang lalu dia menyembelih binatang lain sebagai gantinya, maka hukumannya adalah memadai sebagai menunaikan nazarnya untuk berkorban.

Menurut beliau lagi, jika binatang korban yang hilang itu dijumpai semula setelah menyembelih binatang lain sebagai ganti, maka tidak wajib menyembelihnya dan ia tetap menjadi miliknya, sebagaimana katanya:

Ertinya: Jika binatang korban yang ditentukan (iaitu) bagi (menunaikan) nazar *fi adz- dzimmah* itu hilang, lalu dia menyembelih selainnya (sebagai ganti, maka) adalah memadai baginya (sembelih binatang ganti itu). Jika dia menjumpainya semula, tidak wajib dia menyembelihnya bahkan dia memilikinya.

Berbeza halnya jika binatang yang hilang itu dijumpai semula sebelum menyembelih binatang lain (ganti), maka tidak wajib baginya menyembelih binatang ganti itu, bahkan disembelih binatang yang dijumpai semula itu sahaja sebagaimana kata Syaikh Zakariyya al-Anshari *Rahimahullah*:

Ertinya: Jika dia menjumpainya semula sebelum menyembelih binatang lainnya, dia tidak (dituntut) menyembelih binatang yang kedua itu yakni tidak wajib baginya menyembelihnya, malah (memadai) menyembelih yang pertama sahaja kerana ia adalah binatang asal yang lebih dahulu ditentukan.

Demikian penjelasan mengenai binatang korban yang hilang.

منوجو كرىضائن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولان قوسة دعوه اسلاميه

ALHAMDULILLAH kita telah memasuki bulan Zulhijjah, bulan untuk menunaikan ibadah haji bagi yang berkemampuan melaksanakan Rukun Islam yang Ke-5. Namun bagi yang belum berpeluang untuk menunaikan ibadah haji masih terdapat banyak amalan sunat di bulan Zulhijjah yang boleh diamalkan.

Bulan Zulhijjah memiliki banyak keutamaan khususnya awal 10 haribulan Zulhijjah sebagaimana yang tersebut dalam Surah Al-Fajr, ayat 1 hingga 2 yang terjemahannya: "*Demi Fajar dan malam yang 10.*"

Terdapat pelbagai kelebihan dan keistimewaan dalam bulan Zulhijjah. Oleh itu, umat Islam digalakkan melakukan

Kelebihan 10 Zulhijjah

beberapa amalan soleh di bulan ini iaitu seperti:

Melaksanakan ibadah haji bagi yang mampu. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Ali 'Imraan, ayat 97 yang terjemahannya: "... Dan Allah mewajibkan ke atas manusia mengerjakan ibadah haji ke Baitullah iaitu sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepada-Nya..."

Umat Islam juga digalakkan berpuasa sunat di bulan Zulhijjah terutama pada 9 Zulhijjah yang dikenali sebagai puasa Hari Arafah iaitu puasa sunat yang dilaksanakan pada sehari sebelum Hari Raya Aidiladha. Ia adalah bersempena amalan berwukuf di Padang Arafah yang merupakan salah satu daripada rukun fardu bagi umat Islam yang menunaikan ibadah haji. Diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Qatadah bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam bersabda: "*Berpuasa pada hari Arafah kerana mengharap pahala daripada Allah sebagai penghapus dosa bagi setahun sebelum dan sesudahnya.*"

Selain itu, umat Islam juga digalakkan untuk memperbanyakkan zikir di bulan Zulhijjah terutama pada awal 10 Zulhijjah. Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Ibnu Umar Radhiallahuanhuma bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: "*Tiada hari yang lebih besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan lebih disukai untuk beramal di dalamnya melebihi dari 10 (1 hingga 10) Zulhijjah kerana itu perbanyakkanlah olehmu bertahlil, takbir dan tahmid.*"

Dalam bulan Zulhijjah ini, umat Islam akan merayakan Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Korban yang jatuh pada 10 Zulhijjah. Amalan pada Hari Raya Aidiladha sama

sahaja dengan amalan pada Hari Raya Aidilfitri iaitu menghidupkan malam Hari Raya dengan memperbanyakkan ibadah dan bertakbir. Pada hari tersebut umat Islam disunatkan melaksanakan Sembahyang Sunat Aidiladha dan diselajurkan dengan ibadah korban. Menyembelih binatang korban adalah amalan yang lebih disukai oleh Allah pada Hari Raya Aidiladha. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Kautsar, ayat 2 yang terjemahannya: "*Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan sembelihlah binatang korban (kerana mensyukuri nikmat-nikmat-Nya).*"

Digalakkan untuk melakukan ibadah korban pada 10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah. Walau bagaimanapun, pada hari tersebut juga umat Islam diharamkan untuk berpuasa iaitu pada hari-hari tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

Semoga kita dapat sama-sama memanfaatkan 10 hari terawal Zulhijjah ini dengan amalan-amalan yang bermanfaat seperti mana yang dianjurkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

APT 2025 : MEMPERKUKUH KERJASAMA DIGITAL SERANTAU, ANTARABANGSA



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mewakili Negara Brunei Darussalam pada Mesyuarat Menteri Asia-Pacific Telecommunity (APT) 2025.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

selaras dengan usaha ke arah rangkuman digital.

Ini tambah Yang Berhormat, juga termasuk penggunaan sistem komunikasi berkuasa solar di kawasan luar grid untuk memastikan akses rangkaian rendah karbon yang boleh dipercayai sambil meminimumkan kesan alam sekitar.

Program komuniti (UNNity for the Community) jelas Yang Berhormat, juga diperkenalkan untuk memupuk penglibatan aktif dan pekerjaan untuk masyarakat tempatan, sekali gus menggalakkan pemilikan bersama dan kemampunan infrastruktur.

Pada masa yang sama dengan ancaman siber yang berkembang seiring dengan kemajuan teknologi, Yang Berhormat menekankan keperluan untuk penambahbaikan berterusan dalam amalan keselamatan siber.

Menyedari perkara berkenaan, Yang Berhormat menyeru agar kerjasama antarabangsa dan serantau yang lebih besar dalam bidang berkenaan, sambil menyatakan bahawa "dengan secara kolektif memperkukuh keupayaan digital, melabur dalam modal insan kita, dan memperkukuh kepercayaan terhadap sistem digital, barulah kita meletakkan asas bagi dunia masa depan yang bersedia, di mana teknologi berkhidmat untuk semua,

dan tiada siapa yang tertinggal".

Di luar mesyuarat berkenaan, Yang Berhormat turut mengadakan pertemuan dua hala dengan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Dalam Negeri dan Komunikasi Jepun, Tuan Yang Terutama Adachi Masashi.

Perbincangan tertumpu kepada pengukuhan kerjasama antara NBD dan Jepun dalam bidang utama termasuk ketersambungan digital, keselamatan siber, pembangunan kapasiti dan kemajuan Kecerdasan Buatan (AI), dengan komitmen bersama untuk memupuk transformasi digital yang inklusif dan selamat di seluruh rantau ini.

Sebelum Mesyuarat Peringkat Menteri, Mesyuarat Pegawai Kanan (Senior Officials Meeting - SOM) telah diadakan pada 29 Mei 2025 di tempat yang sama bagi memuktamadkan persiapan.

Delegasi NBD diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim, atas kapasitinya sebagai Ketua SOM bagi NBD.

Turut hadir, Ketua Eksekutif, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Ir. Haji Jailani bin Haji Buntar, bersama pegawai kanan dari MTIC dan AITI.

>> Muka 1

ini.

Mesyuarat peringkat Menteri APT 2025 dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Setiausaha Agung APT, Kondo Masanori, diikuti dengan ucapan perasmian oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Komunikasi, Jepun, Tuan Yang Terutama Murakami Seiichiro, selaku Pengerusi.

Mesyuarat berkenaan telah menghimpunkan 31 ahli dan dua Ahli Bersekutu APT, yang turut diberi taklimat mengenai kemajuan dan pencapaian dalam melaksanakan 'Singapore Statement' yang telah diterima pakai pada Mesyuarat Menteri APT yang diadakan pada 2019 sebelum

Mesyuarat Menteri APT 2025 berakhir dengan menerima pakai 'Tokyo Statement', yang menetapkan hala tuju untuk memperkukuh kerjasama digital serantau dalam tempoh lima tahun akan datang, membentuk visi dalam kalangan Negara Anggota mengenai 'Memanfaatkan Teknologi Baharu Muncul untuk Transformasi Digital Mampan, Inklusif dan Saksama di Asia-Pasifik'.

'Tokyo Statement' berkenaan merangkumi enam tonggak strategik bagi pembangunan digital serantau, iaitu Kesalinghubungan Digital, Inovasi dan Keusahawanan Digital, Kepercayaan dan

Keselamatan, Kemasukan Digital dan Pembinaan Kapasiti, Kelestarian Alam Sekitar, dan Kerjasama Serantau dan Antarabangsa.

Pada mesyuarat berkenaan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menegaskan semula sokongan NBD untuk pembangunan infrastruktur digital yang mampan, amalan digital yang bertanggungjawab, serta usaha untuk merapatkan jurang digital berpanduan prinsip 'tiada sesiapa yang ketinggalan' serta kepentingan mengintegrasikan daya tahan iklim ke dalam strategi pembangunan digital.

Yang Berhormat juga berkongsi bahawa pada 2024, NBD melalui Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN Sdn. Bhd.) telah memperluaskan lagi liputan rangkaian tetap dan mudah alihnya ke enam kawasan luar bandar yang kurang mendapat perkhidmatan,

Mengintegrasikan teknologi AI, sistem digital dalam pengurusan haji



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

JEDDAH, ARAB SAUDI, Isnin, 2 Jun. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menghantar delegasi yang diketuai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, ke Grand

Haji Symposium Ke-49 di The Ritz-Carlton, Jeddah pada 1 Jun 2025.

Symposium tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi berkenaan dihadiri oleh seramai 500 peserta dari seluruh dunia, termasuk

menteri-menteri agama dan pembesar-pembesar agama dari 59 buah negara.

Symposium pada tahun ini mengangkat tema 'Kemampuan Dalam Pelaksanaan Ibadat Haji dan Pembangunan Kontemporari'. Tema berkenaan menegenahkan usaha Arab Saudi dalam meningkatkan infrastruktur

YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Grand Hajj Symposium Ke-49 di The Ritz-Carlton, Jeddah.

juga dilarang berjalan kaki antara Arafah, Muzdalifah dan Mina, sebaliknya perlu menggunakan pengangkutan berlesen.

Selain itu tambah Yang Berhormat lagi, jemaah dinasihatkan mengelakkan kawasan sesak seperti Masjid Namirah dan Jabal Rahmah.

Symposium berkenaan turut menampilkan sesi strategik yang membincangkan cara memudahkan ibadah haji melalui perkhidmatan terbaik serta bengkel khusus yang memberi fokus kepada persiapan kesihatan jemaah dan peranan media dalam penyebaran maklumat tepat.

Delegasi NBD turut dianggotai oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid serta pegawai-pegawai dari Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Perubatan).

Kehadiran delegasi NBD di harap dapat membantu meningkatkan persiapan jemaah haji negara bagi musim 1446 Hijrah selaras dengan panduan terkini dari Arab Saudi.

termasuk penyediaan khemah perlindungan untuk jemaah, mengintegrasikan teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI) dan sistem digital bagi memudahkan pengurusan jemaah, serta mengukuhkan peraturan keselamatan bagi mengelakkan insiden seperti kes kematian akibat cuaca panas pada musim haji sebelumnya.

Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Yang Berhormat Dr. Tawfiq bin Fawzan Al-Rabiah dalam ucaptamanya, menekankan tiga langkah kritikal untuk jemaah.

Menurut Yang Berhormat, jemaah diwajibkan berada di khemah masing-masing dari jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang pada hari kemuncak haji. Mereka

JADIKAN MAZHAB SEBAGAI PEDOMAN DALAM MENJALANI KEHIDUPAN



YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie hadir mendengarkan Pembentangan Kertas Kerja Ucapnama (atas), manakala gambar bawah kanan, hari ini.

BERAKAS, Selasa, 3 Jun. - Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i bersempena 60 Tahun Institusi Fatwa Negara Brunei Darussalam (NBD) terus dimeriahkan dengan Pembentangan Kertas Kerja Ucapnama yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Hadir pada persidangan tersebut ialah Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin.

Persidangan ini telah menampilkan pembentang dari dalam dan luar negara yang membincangkan pelbagai isu kontemporari berkaitan mazhab dan masyarakat digital.

Setiausaha Agung Islamic

Research Institute, Al-Azhar Al-Sharif, Republik Arab Mesir, Profesor Dr. Mohammad Abdel Daim Ali Al-Jundi telah menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Al-Imam Al-Syafi'i : Pemimpin Tulus dan Ulama Unggul' antara lain menyatakan bahawa Imam Al-Syafi'i merupakan salah seorang imam yang zuhud dan ilmuwan yang unggul.

Beliau telah banyak menyumbang dalam perkembangan ilmu fikah dan telah dikebumikan di Mesir, Universiti Al-Azhar serta telah memainkan peranan besar dalam menyebarkan Mazhab Al-Syafi'i.

Universiti Al-Azhar juga telah melahirkan ramai ilmuwan agama dari NBD yang melanjutkan pengajian mereka, khususnya dalam bidang syaria, sejak dahulu hingga kini.

Seterusnya panel kedua, Setiausaha Agung the International Islamic Fiqh Academy, Jeddah,

Profesor Emeritus Dato' Dr. Koutoub Moustapha Sano dalam pembentangan kertas kerja yang bertajuk 'Shafi'i School in the Era of Digitalisation : A Friend or a Foe?' antara lain menyeru supaya institusi pengajian tinggi dan badan-badan fatwa agar menggiatkan usaha penyesuaian digital Mazhab Syafi'i secara sistematik dan terancang dengan membangunkan perpustakaan digital, platform e-Learning dan aplikasi berbentuk tanya dan jawab fiqh yang sahih.

Sementara itu panel ketiga, dengan kertas kerja yang bertajuk 'Era Revolusi Industri Digital : Fakta dan Cabaran Ketamadunan' yang disampaikan oleh Dekan Fakulti Syafie, The World Islamic Science & Education University (WISE), Jordan, Sheikh Dr. Amjad Rashied Muhammad Ali membincangkan mengenai Mazhab Syafi'i perlu terus relevan dan responsif terhadap cabaran era Revolusi Industri Digital, dengan pendekatan yang berintegrasi antara pemeliharaan prinsip-prinsip fiqh dan penerokaan solusi baharu terhadap isu kontemporari.

Sementara panel keempat iaitu Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Dr. Mohd Hapiz Mahaiyadin dengan tajuk kertas kerja 'Kerangka Kepenggunaan Fiqh Mazhab Syafi'i di Alam Melayu' antara lain menyentuh mengenai keperluan memperkasakan autoriti Mazhab Syafi'i, khususnya dalam berhadapan dengan wacana tajdid *fiqhiyy* dan aliran pemikiran luar yang berpotensi menjejaskan kestabilan hukum dan kesatuan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

umat.

Seterusnya panel kelima, Dosen, UIN Sunan Ampel, Surabaya, Profesor Dr. H. Yasid, M.A juga selaku Ketua Majelis Ugama Islam Bidang Fatwa menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Peranan Imam Al-Syafi'i dalam Pembentukan Ilmu Usul Fiqh dan Dinamik Fatwa Syaria' yang menyatakan bahawa mengiktiraf peranan agung Imam Al-Syafi'i sebagai pengasas ilmu Usul al-Fiqh, yang berjaya menggabungkan pendekatan Ahl al-Hadith dan Ahl al-Ra'yi secara seimbang dan metodologis dalam kerangka istinbat hukum.

Panel terakhir, Profesor Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dato Dr. Zulkifly Muda dalam pembentangan kertas kerja yang bertajuk 'Prinsip-prinsip Pentadbiran Islam : Satu Analisis Berdasarkan Mazhab Syafi'i dan Pelaksanaannya Di Brunei

Darussalam' antara lain menekankan mengenai prinsip asas negara Islam termasuk Hakimiyyah Allah, syura, keadilan dan ketaatan.

Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i ini dianjurkan bersempena Ulang Tahun Ke-60 Penubuhan Institusi Fatwa NBD, dengan tema 'Mazhab Syafi'i Dalam Era Digital : Relevan dan Cabaran'.

Moderator bagi pembentangan kertas kerja ucapnama tersebut ialah Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Madya Dr. Anis Malik Thoha.

Maka penting dalam era digital yang penuh cabaran dan perubahan pantas ini, Mazhab Syafi'i bukan sekadar warisan silam, tetapi merupakan sistem yang terus hidup dan dinamik untuk dijadikan pedoman dalam menjalani kehidupan moden.



SETIAUSAHA Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri semasa berucap pada bengkel berkenaan.

JERUDONG, Selasa, 3 Jun. - Sebagai sebuah negara yang sentiasa menyokong keamanan, keselamatan dan kestabilan, Negara Brunei Darussalam (NBD) menegaskan komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap penggunaan bahan nuklear secara aman, selamat dan terjamin.

Keselamatan nuklear adalah tanggungjawab bersama dan NBD mengiktiraf peranan penting kerjasama serantau dalam memastikan aplikasi nuklear digunakan dengan selamat dan bertanggungjawab.

Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Radiasi dan Nuklear (JKRN) menyatakan demikian semasa berucap selaku tetamu kehormat pada pembukaan Bengkel Kebangsaan Perlindungan Nuklear anjuran Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) dengan kerjasama Jabatan Tenaga Amerika Syarikat (DOE), berlangsung di The Empire Brunei,

Menegaskan komitmen SHENA dalam memperkukuh tadbir urus nuklear

di sini.

NBD jelasnya, mengiktiraf keperluan untuk melindungi penggunaan nuklear dalam konteks keselamatan global. Sebagai sebahagian daripada kerangka perlindungan antarabangsa, Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) memantau lebih daripada 1,300 kemudahan nuklear di seluruh dunia bagi memastikan pematuhan terhadap perjanjian bukan penularan senjata nuklear.

Bengkel ini, tambahnya, menekankan kepentingan untuk mengekalkan piawai tertinggi dalam pengawasan dan pengurusan bahan nuklear, di samping mencerminkan komitmen bersama dalam kerjasama antarabangsa untuk memajukan usaha bukan penularan senjata nuklear di peringkat global.

Lebih 30 peserta terdiri daripada agensi-agensi kerajaan menghadiri bengkel tersebut.

Tujuan bengkel ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan keupayaan dalam melaksanakan tanggungjawab perlindungan nuklear secara berkesan di NBD serta menegaskan komitmen SHENA dalam memperkukuhkan lagi tadbir urus nuklear di NBD.

Pakar-pakar daripada IAEA dan Agensi Alam Sekitar Kebangsaan Singapura (NEA) juga turut hadir bagi berkongsi pandangan mereka dan amalan terbaik dari sudut teknikal.

Bengkel ini menandakan



LEBIH 30 peserta terdiri daripada agensi-agensi kerajaan menghadiri bengkel tersebut.

langkah penting dalam usaha NBD untuk membangunkan sistem perlindungan nuklear yang lebih kukuh, dengan memberi tumpuan kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai rangka kerja perlindungan antarabangsa dan menggalakkan kerjasama kebangsaan antara agensi-agensi kerajaan utama, sekali gus memperkukuhkan komitmen negara terhadap penggunaan teknologi nuklear secara aman.

Sejak menjadi ahli kepada IAEA pada tahun 2014, NBD sentiasa berusaha dalam mengambil langkah-langkah penting dalam memperkukuh keselamatan dan keselamatan bahan radioaktif dan nuklear, selaras dengan komitmen

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohammad Hasif Matzin

antarabangsa yang sedia ada.

Bengkel selama empat hari itu merangkumi pembentangan dan perkongsian pengalaman daripada pelbagai pakar *safeguards*, perbincangan interaktif dan aktiviti berbentuk demonstrasi yang memberi tumpuan kepada aspek teknikal dan undang-undang dalam melaksanakan tanggungjawab perlindungan nuklear negara.

Bengkel ini turut menjadi platform untuk memberikan panduan mengenai pelaksanaan kepada Protokol Tambahan kepada perjanjian perlindungan nuklear bersama

IAEA, iaitu satu instrumen perundangan penting yang menekankan lagi komitmen negara terhadap usaha tidak memperluaskan senjata nuklear di peringkat global.

Melalui kerjasama berterusan bersama organisasi dan rakan antarabangsa seperti IAEA dan Jabatan Tenaga Amerika Syarikat, NBD kekal teguh dalam komitmennya dalam memastikan semua aktiviti berkaitan nuklear adalah dikawal selia secara berkesan demi kesejahteraan para pekerja, orang awam dan alam sekitar.

PERASMIAN PROGRAM EKSEKUTIF MUDA KOHORT 10

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

RIMBA, Isnin, 2 Jun. - Program Eksekutif Muda (YEP) merupakan inisiatif strategik yang amat penting bagi melahirkan generasi pemimpin Perkhidmatan Awam yang berwibawa, kompeten dan berintegriti tinggi untuk memacu kemajuan negara pada masa hadapan.

Ini adalah mustahak apatah lagi dalam era masa kini yang serba mencabar dengan perkembangan teknologi yang pesat serta ekspektasi rakyat yang semakin tinggi terhadap kualiti perkhidmatan kerajaan.

Justeru, kita sentiasa memerlukan pegawai Perkhidmatan Awam yang mempunyai pemikiran inovatif, ketangkasan adaptasi dan keberanian untuk melakukan transformasi.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian YEP Kohort 10 (YEP 10) yang berlangsung di Dewan Ittisal, Institut Perkhidmatan Awam (IPA), hari ini.

Menurutnya, kejayaan dan keberkesanan program ini adalah semata-mata terletak ke atas semua peserta program untuk menjadikannya sebagai peluang dan amanah dalam memajukan diri

dan seterusnya memberi sumbangan yang bermakna kepada Perkhidmatan Awam dan negara.

"Sebagai bakal pemimpin masa depan yang akan menerajui kepentingan dan keutamaan negara, pengukuhan budaya integriti dan etika kerja dalam kepimpinan dan pengurusan merupakan satu kemestian yang tidak boleh diabaikan.

"Malah dalam zaman yang penuh ketidakpastian ini, turut mengajak kita berfikir tentang apakah yang membezakan pemimpin biasa dengan pemimpin yang benar-benar berkesan? Jawapannya terletak pada dua perkara asas iaitu, jati diri yang kukuh dan integriti yang tidak mudah roboh," jelasnya

Integriti ujarnya, bukan sekadar perkataan indah tetapi amalan hidup yang mesti dihayati setiap hari. Ia bermaksud ketelusan dalam setiap tindakan, ibarat rumah kaca yang boleh dilihat dari semua sudut tanpa sebarang yang tersembunyi.

Ini kerana sebagai penjawat awam, kita tidak mempunyai ruang untuk ketidakjelasan atau penyelewengan dalam pentadbiran. Dalam masa yang sama, integriti juga memerlukan keberanian untuk bersuara benar, walaupun kebenaran itu ada kalanya pahit dan tidak popular.

"Di sinilah juga para pemimpin muda perlu bijak dalam memilih

antara, jalan yang sukar tetapi benar; atau jalan yang mudah tetapi salah. Ingatlah bahawa nama baik tuan-tuan dan puan-puan dan organisasi adalah amanah yang perlu dipelihara. Satu kesilapan boleh memusnahkan kepercayaan yang dibina bertahun malah berdekad lamanya. Ibarat kata pepatah Melayu : 'Kerana nila setitik, rosak susu sebelanga', ujarnya lagi.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa dunia telah berubah dengan begitu pesat sekali. Kewujudan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) dan pelbagai teknologi baharu yang muncul setiap hari menuntut perkhidmatan awam itu untuk turut berubah dan berinovasi.

Dalam hubungan ini, jelasnya para pemimpin muda dalam kerajaan perlu bersikap terbuka kepada idea-idea baharu. Janganlah terkongkong dengan kebiasaan dan mentaliti lapuk yang berpegang kepada ungkapan 'Kitani lama sudah buat macam ani'.

"Sebaliknya, perlu menanamkan sikap untuk terus berusaha dengan penuh semangat mengejar kemajuan serta berfikir bagaimana untuk melaksanakan tugas dengan lebih baik lagi dari yang sedia ada.

"Dalam perkara berkaitan merangka dasar dan perkhidmatan pula, para pemimpin muda harus memahami bahawa setiap perancangan yang dibuat hari ini bukan sekadar untuk menyelesaikan masalah semasa sahaja. Ia perlu pemikiran jauh ke hadapan khasnya dalam mendepani cabaran-cabaran akan datang," jelasnya.

Beliau seterusnya berkata, ciri Adaptive Capacity perlu ada setiap diri pemimpin muda, sebagai berupaya dan selesa untuk berkembang maju dalam kesamaran persekitaran yang berubah dengan pantas. Di sinilah pengupayaan itu dapat ditingkatkan lagi dengan memanfaatkan teknologi secara bijak sebagai asas kepada peningkatan Digital Fluency dalam kepimpinan masing-masing.

Oleh itu tambahnya, kepimpinan yang menerapkan nilai empati turut menjadi teras dalam membina kepercayaan orang ramai terhadap institusi kerajaan yang



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Program Eksekutif Muda Kohort 10 (YEP 10) (atas), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada program berkenaan.

mengamalkan tadbir urus yang bersih, amanah dan berkesan dalam menjana perubahan yang bermakna.

Jelas beliau lagi, di sinilah juga pendekatan awam yang berpaksikan rakyat (*citizen centric*) secara berterusan dapat membantu pemimpin memahami situasi sebenar yang dihadapi masyarakat dan menganalisis keperluan mereka dengan lebih tepat.

Matlamat ini kongsinya, boleh dicapai dengan menunjukkan komitmen melalui kehadiran yang *punctual*, mengajukan pertanyaan yang *thoughtful* dan relevan serta menyertai setiap perbincangan dengan penuh semangat dan keterlibatan.

Seramai 29 peserta yang terpilih menyertai program yang diadakan bermula hari ini hingga 30 Ogos 2025. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Pengiran Haji Raffizanna.

Objektif program ini adalah untuk memupuk dan membangunkan bakal pemimpin dengan nilai tinggi dan tingkah laku positif yang akan mencapai keputusan yang diinginkan dan meningkatkan prestasi organisasi.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM semasa berucap pada program berkenaan.

Program ini juga bertujuan untuk memperkukuhkan keupayaan pemimpin masa depan bagi memenuhi keperluan orang ramai yang sentiasa berubah.

YEP merupakan salah satu program di bawah projek Kumpulan Pemimpin Perkhidmatan Awam yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman dan Pengarah IPA, Dr. Dayang Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh serta pegawai-pegawai.



Majlis Doa Kesyukuran sempena memperingati pertukaran nama sekolah

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

RIMBA, Isnin, 2 Jun. - Pembinaan Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB) merupakan antara projek signifikan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10.

Dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan menelan belanja lebih BND48 juta, sekolah berkenaan mula digunakan pada 2 Januari 2019 dan digunakan sepenuhnya bermula 2020.

Keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sangat mendalam terhadap perkembangan pendidikan di persekolahan Arab dicerminkan

melalui keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan melawat sekolah berkenaan sebanyak dua kali, iaitu pada 29 Januari 2019 dan 1 Julai 2023 di samping mengurniakan titah perkenan bagi bangunan Sekolah Arab Rimba diberikan nama sebagai SASHHB pada 1 Jun 2021.

Sehubungan dengan itu, bagi menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas penubuhan SASHHB berkenaan, Majlis Kesyukuran sempena memperingati pertukaran nama sekolah kepada SASHHB diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan pada pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Omar.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua SASHHB, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohd. Noor, dan seterusnya menyaksikan tayangan video mengenai sejarah sekolah berkenaan.

Manakala Doa Kesyukuran dibacakan oleh Awang Muhammad Hisyamuddin bin Haji Mahadini, dan disusuli dengan perasmian



lagu rasmi sekolah yang baharu.

Tetamu kehormat juga melawat ke petak-petak pameran kelolaan

Kelab Kokurikulum dan persatuan sekolah berkenaan sebelum turut serta dalam acara penanaman pokok.



**Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.
BCY / CP / 240 / 2024**

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Mohammad Abu Sofian Bin
Haji Abd Latip
BYIC No. 00-290968
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada 20 Februari
2025.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui:**

Mohammad Abu Sofian Bin
Haji Abd Latip
No. 5C, Simpang 29-10-6,
RPN Kampung Pandan,
Kuala Belait,

Dan / atau

No. 9, Jalan 31,
Kampung Perpindahan Lambak
Kanan BC2915,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
10 Oktober 2024

Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut diatas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.
Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei
Darussalam.

Bertarikh:
16 April 2025

**Notis Kepada Pemiutang
Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 20 Februari 2025.

Notis adalah dengan ini
diberikan bahawa satu
perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9),
Mahkamah Besar pada 23 Jun
2025 jam 9.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan di perjumpaan ini
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada 23 Jun 2025 jam 9.30 Pagi
di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang
yang telah menyerahkan bukti,

atau wakil-wakilnya yang diberi
kuasa secara bertulis, bolehlah
menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan
juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
16 April 2025

**Kes No.
BCY / CP / 39 / 2007**

Baiduri Bank Sendirian Berhad
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Dk Siti Zuliana Binti Pg Haji
Metali
(BYIC NO. 00-126108)
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang di buat
terhadap Penghutang berikut
pada 21 Jun 2007 telah
dibatalkan pada 10 April 2025.

Nama Penghutang:
Dk Siti Zuliana Binti Pg Haji
Metali

Alamat Penghutang:
No. 50, Simpang 126,
Jalan Meragang, Muara
BT2728,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
21 April 2025

**Kes No.
BCY / CP / 200 / 2019**

Bibd AT-Tamwil Berhad
Pemiutang / Pemetisyen

Mohammad Saizull Bin
Haji Kefli
[Kad Pengenalalan Brunei No.
00-318532 – BYIC]
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada 17 April 2025.

Nama dan alamat Bankrap:
Mohammad Saizull Bin
Haji Kefli,
No. 31, Simpang 43-38,
STKRJ Lorong 3 Selatan,
Seria KB1333,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
11 Disember 2024

Semua Sipiutang-sipiutang
kepada Bankrap yang tersebut di
atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperolehi di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi dengan
seberapa yang boleh. Semua
hutang-hutang yang seharusnya
dibayar oleh Bankrap tersebut di
atas hendaklah dihadapkan
kepada Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh:
23 April 2025

Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**Kes No.
BCY / CP / 140 / 2020**

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Kedua**

Nama Penghutang - Hj
Mustapa Bin Hj Mohamad @ Hj
Nordin Bin Hj Muhamad (BYIC
NO. 00-068356) **Alamat** – No. 25,
Spg. 40, Kg. Sungai Buloh, Jalan
Muara BU1229, Negara Brunei
Darussalam **Mahkamah** –
Mahkamah Besar, Negara Brunei
Darussalam **Nombor** –
Kebankrapan Bil. 140 Tahun 2020

**Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit – 68 % Pertama atau
terakhir selainnya – Kedua** Bila
kena dibayar – 26 Mac 2025. **Di
Mana Kena Bayar** – Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar,
Jalan Tutong, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh:
22 April 2025

**Kes No.
BCY / CP / 373 / 2015**

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama**

Nama Penghutang - Mohamad
Shadi Bin Haji Majid (BYIC No:
00-251639) **Alamat** – Simpang
10, No 51, Jalan Parak, RPN
Kampong Panaga Seria KB4533,
Negara Brunei Darussalam
Mahkamah – Mahkamah Besar,
Negara Brunei Darussalam
Nombor – Kebankrapan Bil. 373
Tahun 2015 **Banyaknya bagi
tiap-tiap satu ringgit – 55 %
Pertama atau terakhir selainnya**
– **Pertama** Bila kena dibayar – 7
April 2025 **Di Mana Kena Bayar**
– Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah
Besar, Jalan Tutong, Negara
Brunei Darussalam.

Tarikh:
22 April 2025

**Kes No.
BCY / CP / 14 / 2021**

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama**

Nama Penghutang - Mohamad
Hamdini Bin Sabri (BYIC NO:
00-118198) **Alamat** – No. 43, Lot
155, Jalan Sumboi, RPN Lumut
Sg Liang, Negara Brunei
Darussalam **Mahkamah** –
Mahkamah Besar, Negara Brunei
Darussalam **Nombor** –
Kebankrapan Bil. 14 Tahun 2021
**Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit – 64 % Pertama atau
terakhir selainnya – Pertama**
Bila Kena Dibayar – 7 April 2025
Di Mana Kena Bayar – Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar,
Jalan Tutong, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh:
22 April 2025

**Kes No.
BCY / CP / 215 / 2022**

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Nama Penghutang - Arbi Bin
Haji Ibrahim (BYIC NO.:
00-256841) **Alamat** – No. 1,
Simpang 11, Jalan Puragam, RPN
Panaga Seria, Kuala Belait
KB4533, Negara Brunei
Darussalam **Mahkamah** –
Mahkamah Besar, Negara Brunei
Darussalam **Nombor** –
Kebankrapan Bil. 215 Tahun 2022
**Banyaknya bagi tiap tiap satu
ringgit – 100 % Pertama atau
terakhir selainnya – Terakhir**
Bila Kena Dibayar – 10 April 2025
Di Mana Kena Bayar – Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar,
Jalan Tutong, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh:
22 April 2025

Mohammad Marzuqi Bin Sabtu
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

**Kes No.
BCY / CP / 299 / 2024**

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Iwan Bin Junaidi
BYIC NO. 00-123404
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada 10 April 2025.

**Nama Dan Alamat Terakhir
Diketahui:**

Iwan Bin Junaidi
No. 22, Simpang 133,
Burung Pingai Berakas.
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
15 Februari 2025

Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperolehi
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.
Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei
Darussalam.

Bertarikh:
22 April 2025

**Notis Kepada Pemiutang
Untuk Perjumpaan Pertama**

Di Bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 10 April 2025.

Notis adalah dengan ini
diberikan bahawa satu
perjumpaan Pemiutang-pemiutang
mengenai perkara di atas akan
diadakan di Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik
(L1-), Mahkamah Besar pada 21
Mei 2025 jam 9.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan
digunakan di perjumpaan ini
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada 21 Mei 2025 jam 9.00 Pagi
di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang
yang telah menyerahkan bukti,
atau wakil-wakilnya yang diberi
kuasa secara bertulis, bolehlah
menyoal penghutang semasa
pemeriksaan awam penghutang,
mengenai dengan hal-halnya dan
juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
22 April 2025

Muhammad Syafiq Bin Awang
Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**Kes No.
BCY / CP / 274 / 2013**

Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
Pemiutang / Pemetisyen

Anidahsaidatulsalwa Binti Hj
Shahbudin
[BYIC No. 00-293581 - Kuning]
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada 29 Mac 2025.

Nama Dan Alamat Bankrap:
Anidahsaidatulsalwa binti Hj
Shahbudin,
No. 37, Kampung Selayun,

Jalan Sengkurong, 'B',
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
20 November 2024

Semua Sipiutang-sipiutang
kepada Bankrap yang tersebut di
atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperolehi di Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi dengan
seberapa yang boleh. Semua
hutang-hutang yang seharusnya
dibayar oleh Bankrap tersebut di
atas hendaklah dihadapkan
kepada Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh:
22 April 2025

Muhd Muzakir Bin Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/p Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**Kes No.
BCY / CP / 461 / 2012**

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Kedua**

Nama Penghutang - Dk
Norasikin Binti Pg Haji Omar
(BYIC NO.: 00-267868) **Alamat** –
No. 12, Simpang 11, Jalan Nenas
Paun, Perumahan Katok 'B',
BE1819, Negara Brunei
Darussalam **Mahkamah** –
Mahkamah Besar, Negara Brunei
Darussalam **Nombor** –
Kebankrapan Bil. 461 Tahun 2012
**Banyaknya bagi tiap tiap satu
ringgit – 48 % Pertama atau
terakhir selainnya – Kedua** Bila
Kena Dibayar – 10 April 2025 **Di
Mana Kena Bayar** – Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar,
Jalan Tutong, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh:
22 April 2025

**Kes No.
BCY / CP / 38 / 2006**

Baiduri Bank Sendirian Berhad
Pemiutang / Pemetisyen

Zulkifli Bin Abdullah @ Muris
Bin Amit
BYIC No. 00-069408
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada 19 April 2025.

Nama dan alamat Bankrap:
Zulkifli Bin Abdullah @ Muris
Bin Amit,
No. 1, Simpang 127-41-21,
STKRJ Kampung Rimba
Gadong,
BE3119, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh Permohonan:
3 Januari 2025

Semua sipiutang-sipiutang
kepada Bankrap yang tersebut di
atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang
yang boleh diperolehi di
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi
dengan seberapa yang boleh.
Semua hutang-hutang
yang seharusnya dibayar oleh
Bankrap tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh:
23 April 2025

Nur Sariy Syahmina Binti Jaffri
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam
KELAS: V
KATEGORI: M01**

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :
17 Jun 2025 Selasa)**

Tarikh Tutup:
1 Julai 2025 (Selasa)
tidak lewat dari jam:
2.00 petang

Bilangan Tawaran:
JKR/DME/BOP-ACM/15/2025

Nama Projek:
Kontrak penggal bagi operasi dan
kerja-kerja pemeliharaan sistem
hawa dingin bagi bangunan
dewan majlis, bagi tempoh tiga (3)
tahun

Yuran Tawaran:
BND30.00 (tidak dikembalikan)



Khamis, 05 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

Bilangan Rujukan:
JBBSB/SH/2025-2026/22/
BPPK/10

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperolehi Dari:**
Bahagian Pemuliharaan Dan
Kenderaan
Jabatan Bandaran Bandar Seri
Begawan, Di Tingkat 2,
Bangunan Pejabat Unit Khidmat
Bantu Dan Pemeliharaan,
Simpang 594, Jalan Subok,
Bandar Seri Begawan.



PERINGATAN PENTING



- 1 **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.
- 2 Profil yang **tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan **ditolak**.

- 1 **Lengkapkan Profil PSCR 2.0**
(WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 **Lengkapkan Kelulusan**
(keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap**
"Sila unggah data pengiktirafan Pujta Kelabang Pengkiran Kelulusan (PKPK) yang berkaitan"
- 4 **Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"**
- 5 **Lengkapkan Maklumat**
(muru / perkerajaan / Perkerajaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyarkan di dalam skim iklan)

+673 7371961

Ing. Sallen Whaituaru
Suruhajaaya Perkhidmatan Awam

query@spa.gov.bn



Keragi media sosial
PSCR.BN

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 17 Jun 2025
2.00 Petang.

Tarikh terakhir bagi pembelian



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
Registered Under Business
Names Act
(Section 16 & Section 17)

Kategori:
Sale Of New Motor Vehicles

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
10 Jun 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
24 Jun 2025 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ME / 18 / 2025

Nama Projek:
Membekal Satu (1) Unit
Kenderaan '7-Seaters 4WD',
Jabatan Perkhidmatan Teknikal,
Jabatan Kerja Raya

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan :
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 26 /
BPKB / 03

Tajuk Sebut Harga :
Request For Proposal Bagi
Memajukan, Membiayai,
Mengendali
dan Menyelenggara Tapak
Gazette No. 81504 Kampung Parit

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 12 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**
Bahagian Perancangan dan
Kemajuan Bandar
Tingkat 3, Bangunan Jabatan
Bandaran Bandar Seri Begawan
Blok B1, Jalan Seri Beribi,
Negara Brunei Darussalam



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
Registered Under Business
Names Act
(Section 16 & Section 17)

Kategori:
Sale Of New Motor Vehicles

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
10 Jun 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
24 Jun 2025 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

1. Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ME / 19 / 2025

Nama Projek:
Membekal Satu (1) Unit 'Jetting /
Vacuum Tanker' Untuk Bahagian
Pembetulan,
Jabatan Saliran dan
Pembetulan

2. Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ME / 20 / 2025

Nama Projek:
Membekal Lima (5) Unit
Kenderaan '7-Seaters 4WD',
Jabatan Perkhidmatan Mekanikal
dan Elektrikal,
Jabatan Kerja Raya (Fasa 2) -
Tawaran Semula

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
RTB / 05 / 2025
Supply And Delivery Of 2/3"
Type Sensor POV Camera And
Accessories For Outside
Broadcast

Bayaran Tawaran:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
10 Jun 2025.(2.00 Petang)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Pusat Pembelajaran
Sepanjang Hayat
Kementerian Pendidikan**
**Pemberitahuan Tawaran Pusat
Pembelajaran Sepanjang Hayat,
Kementerian Pendidikan**

Bilangan Tawaran 1:
L3C / LTK / B2106 /
2025 – 2026 / 01

Tajuk Tawaran 1:
Cleaning Service For Two (2)
Years At Lifelong Learning Centre
(L3C), Ministry Of Education

**Bayaran Yuran / E-Dokumen
Tawaran 1:**
BND35.00 [Bayaran Dokumen
Tawaran sebanyak BND30.00
dan Bayaran E-Dokumen
sebanyak BND5.00 tidak
dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu 1:
10 Jun 2025.
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]

Bilangan Tawaran 2:
L3C / LTK / B2109 /
2025 – 2026 / 01

Tajuk Tawaran 2:
Perkhidmatan Kawalan
Keselamatan Di Pusat
Pembelajaran Sepanjang Hayat
(Pusat L3C),
Kementerian Pendidikan Bagi
Tempoh Dua (2) Tahun

**Bayaran Yuran / E-Dokumen
Tawaran 2:**
BND35.00 [Bayaran Dokumen
Tawaran sebanyak BND30.00
dan Bayaran E-Dokumen
sebanyak BND5.00 tidak
dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu 2:
10 Jun 2025.
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]

**Pembayaran dan Penerimaan
Yuran / E-Dokumen Tawaran
Adalah Secara Atas Talian
(online).**




**PUSAT PENGURUSAN
BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan sebutharga:
(11) NDMC/TSH/2025-2026
Tajuk sebutharga:
Sebutharga Pembekalan Alat
Ganti Baru Serta Pemasangan
Sistem Abs (Anti-Lock Brake
System) Bagi Kenderaan National
Disaster Management Centre
(NDMC) Toyota Hilux BG3800.

YURAN:
Percuma

Tarikh Tutup:
Rabu, 25 Jun 2025.
Jam 2.00 petang



**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Rujukan Iklan:
KAUNTERJAPEMKB / 2025 /
JAPEM-KB / RB

Tajuk Iklan:
Remove Existing, Supply &
Install New Counter At
Pejabat JAPEM Cawangan Belait

Rujukan Iklan:
MEI / 2025 / JAPEM /
ACPKWE-KB / RB

Tajuk Iklan:
Air Conditioner Supply & Install /
Repair & Service, PKWE Belait

Tarikh Tutup Iklan: Khamis,
12 Jun 2025. Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Kenyataan Tawaran

**Design, Printing And Delivery Of
Brunei Darussalam National
Road SAFETY Council (MKKJR)
Strategic & Action Plan 2026 –
2030 Booklet**

Bilangan Tawaran :
TSD(MC)1.3
(MKKJR SP Booklet 2025-2026)

Tarikh Tutup:
25 Jun 2025

Kepada :
Pengerusi
Jawatankuasa Sebutharga
Ministry of Transport and
Infocommunications,
Jalan Menteri Besar, BB3910,
Brunei Darussalam



**JABATAN DAERAH
TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**

JDT / S / 05 / 2025 - 2026
Sebut Harga Penyewaan Kantin
Jabatan-Jabatan Kerajaan,
Daerah Temburong

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
10 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Negara Brunei
Darussalam**

Kelas:
II & III

Kategori:
K01, B01, E01, E02 & E05

Tarikh Buka Tawaran pada :
26 Mei 2025 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
9 Jun 2025 (Isnin)

Tarikh Tutup Pada :
9 Jun 2025 (Isnin)
Sebelum jam 9.00 Pagi

**(Ditutup di Tingkat 1,
Jabatan Alam Sekitar,
Taman dan Rekreasi, Bangunan
Tumasek Plaza, Jalan Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha, Bandar
Seri Begawan BA1910,
Negara Brunei Darussalam)**

JASTRE / QTN030 / 2025
Kerja-Kerja Naik Taraf di
Pusat Pengumpulan Sisa,
Daerah Brunei Muara.

No. Projek:
JASTRE / QTN30 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND9.00
(Tidak dikembalikan)





**Pemberitahuan Tawaran
Kementerian Kesihatan
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
DRG/61/2025/PHARM(TC)

Keterangan Tawaran:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three(3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
DRG/62/2025/PHARM(TC)

Keterangan Tawaran:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three(3) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
DRG/63/2025/PHARM(TC)

Keterangan Tawaran:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three(3) Years

Yuran Tawaran:
BND 500.00

Bilangan Tawaran:
DRG/64/2025/PHARM(TC)

Keterangan Tawaran:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three(3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

BILANGAN TAWARAN:
REN/05/2025/PHARM(TC)

Keterangan Tawaran:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three(3) Years

YURAN TAWARAN:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
REN/06/2025/PHARM(TC)

Keterangan Tawaran:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three(3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
REN/07/2025/PHARM(TC)

Keterangan Tawaran:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three(3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
VAK/05/2025/PHARM(TC)

Keterangan Tawaran:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three(3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
VAK/06/2025/PHARM(TC)

Keterangan Tawaran:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three(3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

BILANGAN TAWARAN:
VAK/07/2025/PHARM(TC)

Keterangan Tawaran:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three(3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
VAK/08/2025/PHARM(TC)

Keterangan Tawaran:
Supply And Delivery Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three(3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
KK/123/2025/SSBH(TC)

Keterangan Tawaran:
The Provision Of Food And Drink
Vending Machines Service At The
Suri Seri Begawan (SSB)
Hospital, Kuala Belait For A
Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK/124/2025/SSBH(TC)

Keterangan Tawaran:
Three (3) Years Term Contract For
Building Works At Housing Under
Hospital Suri Seri Begawan,
Kuala Belait

Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of
Health and Ministry of
Development

Class : II and III
Category : B01, E01, E02 &
KA01

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK/125/2025/SSBH(TC)

Keterangan Tawaran:
The Provision Of Comprehensive
Maintenance Services For Lifts
And Dumbwaiter At Block A, B,
X-Ray and Learning Development
Centre, Suri Seri Begawan
Hospital For A Period Of Three
(3) Years

Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of
Health and Ministry of
Development

Class : II and above
Category : KPME02

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK/126/2025/JPKAS

Keterangan Tawaran:
Replacement Of New Distribution
Board (DB) And Wiring For Public
Health Office Tutong

Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of
Health and Ministry of
Development

Class: III and above
Category: B01, E02 & E03

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
KK/127/2025/UPP-PROJECT

Keterangan Tawaran:
Renovation And Conversion Of
Toilet Facilities Into Pulmonary
Function Test (PFT) Rooms At
Specialist Building 1 In Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha (RIPAS)
Hospital (Re-tender 2)

Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of
Health and/or Ministry of
Development

Class: II
Category: KA01, B01, M01 &
E01

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK/128/2025/ESTETMOH(TC)

Keterangan Tawaran:
Preventive And Corrective
Maintenance Services For CCTV,
And Access Control System At
Clinical Molecular Diagnostics
Laboratory For infectious diseases
(cmdlid) for period of three(3)
years

Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of
Health and/or Ministry of
Development

Class: II and above
Category: M03, E01 and/or
E02

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Tarikh Tutup:
Tidak lewat 17 Jun 2025.
Jam 2.00 petang.



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
05/JMM/S/12/91 (2025/2026) – R

TAJUK SEBUT HARGA:
Fabrication, Supply And
Installation Of New Canon's
Presentation Display At Stor
Muzium Gudang Blok G, Gadong,
Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



**Sebutharga Secara Terbuka
Bagi Pengendalian Kursus
Modular Dan Signature
Programme (Batch 2)
Programme Bagi Tahun
Kewangan 2025/2026**

**1. DA/JKSH/38/2025/2026
[HRD-JUN-2025]**

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Modular Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi :
Microsoft Excel Course For
Beginners
Jumlah Hari Kursus:
Dua (2) Hari

**2. DA/JKSH/39/2025/2026
[HRD-JUN-2025]**

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Modular Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi:
Effective Speech Writing
Jumlah Hari Kursus:
Dua (2) Hari

**3. DA/JKSH/40/2025/2026
[HRD-JUN-2025]**

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Junior Executive
Programme Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi:
Managing Strategy
Jumlah Hari Kursus:
Dua (2) Hari

**4. DA/JKSH/41/2025/2026
[HRD-JUN-2025]**

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Junior Executive
Programme Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi:
Writing Effective Working Paper
Jumlah Hari Kursus:
Dua (2) Hari

**5. DA/JKSH/42/2025/2026
[HRD-JUN-2025]**

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Junior Executive
Programme Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi:
Ignite Your Creativity And
Innovation
Jumlah Hari Kursus:
Dua (2) Hari



**6. DA/JKSH/43/2025/2026
[HRD-JUN-2025]**

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Junior Executive
Programme Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi:
Problem Solving And
Decision Making
Jumlah Hari Kursus:
Dua (2) Hari

**7. DA/JKSH/44/2025/2026
[HRD-JUN-2025]**

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Junior Executive
Programme Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi:
Design Thinking
Jumlah Hari Kursus:
Dua (2) Hari

**8. DA/JKSH/45/2025/2026
[HRD-JUN-2025]**

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Junior Executive
Programme Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi:
Policy Formulation
Jumlah Hari Kursus:
Dua (2) Hari

**9. DA/JKSH/46/2025/2026
[HRD-JUN-2025]**

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Junior Executive
Programme Tahun Kewangan
2025/2026 Bagi:
Project And Programme
Management
Jumlah Hari Kursus:
Dua (2) Hari

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup/Waktu:
Sabtu, 14 Jun 2025.
Jam 9.00 Pagi.



**Tawaran Perkhidmatan
Pengangkutan Bas IBTE**

BILANGAN TAWARAN:
IBTE/LTK/036/TK25-26
[BAS-MC-MEI-2025]

KETERANGAN:
Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa
Khas 22 Muatan Sebanyak Satu
(1) Buah Bagi:
IBTE Kampus Mekanikal
Kg Tungku, Gadong BE2119
Negara Brunei Darussalam
Dibawah Kawalan Unit
Kenderaan, Bahagian Hal Ehwal
Pelajar
Institut Pendidikan Teknikal
Brunei
Kementerian Pendidikan
Untuk Tempoh Lima (5) Tahun

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:**
BND 30.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen
Tawaran tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
IBTE/LTK/037/TK25-26
[BAS-SSRC-MEI-2025]

Keterangan:



Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa
Khas 22 Muatan Sebanyak
Tiga (3) Buah Bagi:
IBTE Kampus
Sultan Saiful Rijal
Simpang 125 Jalan Muara Dan
Jalan Utama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB2313
Negara Brunei Darussalam
Dibawah Kawalan
Unit Kenderaan,
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Institut Pendidikan
Teknikal Brunei
Kementerian Pendidikan
Untuk Tempoh
Lima (5) Tahun

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:**
BND 50.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen
Tawaran tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Dan Waktu:
17 Jun 2025.
(Tidak lewat Jam 2.00 petang)

MENGINTEGRASIKAN KEUSAHAWANAN DALAM RANGKA KERJA PENDIDIKAN VOKASIONAL



SESI gambar ramai pada program latihan perintis bertajuk 'Integrating Entrepreneurship and Technopreneurship into the TVET Curriculum'.

GADONG, Isnin, 2 Jun. — Dalam satu kerjasama serantau yang bersejarah, SEAMEO VOTTECH dengan kerjasama Colombo Plan Staff College (CPSC), Filipina telah melancarkan program latihan perintis bertajuk 'Integrating Entrepreneurship and Technopreneurship into the TVET Curriculum', pagi tadi, bertempat di Pusat SEAMEO VOTTECH.

Inisiatif berkenaan menghimpunkan seramai 31 pegawai kanan dari 11 Negara Anggota SEAMEO, bersama peserta dari Republik Rakyat Bangladesh, Bhutan, Fiji, Republik India, Maldives, Mongolia, Nepal,

Republik Islam Pakistan dan Sri Lanka.

Sehubungan dengan itu, majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengarah SEAMEO VOTTECH, Awang Haji Norjemee bin Jenek.

Awang Haji Norjemee dalam ucapan alu-aluannya antara lain menegaskan program latihan berkenaan amat bertepatan pada masanya memandangkan dalam keadaan ekonomi global yang terus berkembang di bawah pengaruh transformasi digital, gangguan industri, dan perubahan permintaan pasaran pekerjaan, adalah amat penting untuk kita

memperkuh sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Technical Vocational Education and Training - TVET) kita demi masa depan.

Menurutnya lagi, penggabungan elemen keusahawanan dan tekno-keusahawanan ke dalam kurikulum kita akan memberi kuasa kepada pelajar bukan sahaja untuk mencari pekerjaan, tetapi juga mencipta peluang, memacu inovasi, dan menyumbang secara bermakna kepada pembangunan negara.

Sepanjang program dijalankan katanya lagi, para peserta akan terlibat dalam pelbagai

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

pengalaman pembelajaran, iaitu daripada pembangunan kurikulum modular hinggalah kepada inovasi digital dan pengintegrasian dasar.

Acara menandakan permulaan kepada program intensif selama lapan hari yang menggabungkan pembelajaran secara maya dan bersemuka.

Latihan merangkumi bengkel dalam talian selama tiga hari dari 27 hingga 29 Mei 2025, diikuti dengan sesi bersemuka selama lima hari dari 2 hingga 6 Jun 2025 bertempat di pusat berkenaan.

Direka khas untuk pembangun kurikulum TVET, tenaga pengajar, penggubal dasar dan pentadbir, program berkenaan bertujuan untuk membekalkan peserta dengan strategi praktikal bagi mengintegrasikan konsep keusahawanan ke dalam rangka kerja pendidikan vokasional.

Para peserta akan meneroka kaedah pengajaran inovatif, teknologi terkini dan model inkubasi perniagaan yang bertujuan memupuk minda keusahawanan dalam kalangan pelajar TVET.

Satu forum perbincangan khas bertajuk 'Embedding Technopreneurship in TVET: Strategies, Success Stories, and Industry Insights' juga akan

diadakan pada 5 Jun ini, sebagai sebahagian daripada program latihan berkenaan.

Forum berkenaan akan menampilkan panel pakar daripada sektor pendidikan dan industri, termasuk Ketua Pengarah CPSC, Prof. Dr. Suresh Kumar Dhameja dari CPSC, Filipina; Ketua Pusat Inovasi dan Keusahawanan (Entrepreneurship Innovation Centre - EIC), Kementerian Pendidikan, Awang Adna Shatiremie bin Haji A. Abdul Rahman dari Negara Brunei Darussalam; serta wakil dari InnovAero dan Fatih Aquaculture.

Forum dijangka memberikan pandangan mendalam serta perkongsian pengalaman sebenar dalam memajukan budaya tekno-usahawan di institusi TVET.

Program berkenaan menangani keperluan yang semakin mendesak untuk sistem TVET melahirkan bukan sahaja tenaga kerja mahir, tetapi juga usahawan yang mampu menyesuaikan diri dengan landskap teknologi yang pantas berubah.

Selain itu, ia memperkuh komitmen SEAMEO VOTTECH dalam memajukan kecemerlangan pendidikan vokasional di rantau Asia-Pasifik melalui kerjasama antarabangsa dan pembangunan kapasiti.

Usaha kolektif perkukuh sistem kesihatan serantau



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Jun. - Selaras dengan Wawasan ASEAN 2025 dan Pelan Induk Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) 2025, Sektor Kesihatan ASEAN terus memperkuhkan kerjasama serantau melalui Agenda Pembangunan Pasca-2015 ASEAN (APHDA).

Sebagai sebahagian daripada usaha ini, Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Kluster Kesihatan ASEAN 3 Ke-6: Pengukuhan Sistem Kesihatan dan Akses kepada Penjagaan Kesihatan (AHC3) yang berlangsung bermula hari ini hingga 5 Jun 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan yang diadakan pagi tadi di Radisson Hotel ialah Pengarah Dasar dan

Perancangan, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ithram bin Dato Paduka Haji Mahmud.

Dalam ucapannya Awang Haji Adi Ithram menjelaskan, sepanjang lima tahun yang lalu, pencapaian ketara dalam hasil kesihatan telah membawa kepada peningkatan yang signifikan dalam kehidupan ramai penduduk di rantau ini, meskipun berdepan dengan pandemik.

Antara faktor penyumbang utama jelasnya, ialah usaha kolektif luar biasa kita dalam memperkuh sistem kesihatan serantau dan meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan.

Sebagai sebuah rantau ujarnya, kita mesti terus berusaha untuk memperbaiki sistem kesihatan bagi menyediakan perkhidmatan penjagaan yang berkualiti,

khususnya kepada golongan yang paling memerlukannya.

"Dengan permintaan terhadap penjagaan kesihatan yang semakin meningkat, ditambah pula dengan kekangan sumber dalam bentuk modal insan, infrastruktur dan kewangan, keperluan untuk menangani isu-isu ini dalam penyediaan, peraturan dan pembiayaan sistem kesihatan adalah semakin mendesak," terangnya.

Menurutnya, ini penting bagi memastikan rakyat di rantau ini terus menerima penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi, berkesan, saksama dan mampan.

Secara asasnya, Awang Haji Adi Ithram menegaskan, kita perlu saling belajar antara satu sama lain dan terus membina sistem kesihatan yang lebih kukuh, mampan dan tahan lasak.

Walaupun kita terus bekerjasama erat katanya, kita juga

PENGARAH Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ithram bin Dato Paduka Haji Mahmud hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan yang diadakan di Radisson Hotel.

sedar bahawa isu-isu kesihatan masa kini memerlukan pendekatan pelbagai sektor dan kerjasama merentas tonggak ASEAN untuk mencapai penambahbaikan kesihatan serantau.

"Kita tidak lagi mampu bekerja secara terasing dan mengharapkan hasil kesihatan yang lebih baik. Kita mesti melibatkan semua pemegang taruh di dalam negara dan di seluruh rantau bagi benar-benar memberi impak yang bermakna," tambahnya lagi.

Sejak Mesyuarat AHC3 yang lepas tambahnya lagi, negara-negara peneraju bersama dengan negara anggota lain telah bekerja dengan tekun, secara aktif terlibat dalam perbincangan yang berkaitan dengan objektif masing-masing, sasaran prestasi utama dan pelaksanaan aktiviti, berlandaskan hasil perbincangan sebelum ini.

Dalam Mesyuarat AHC3 kali ini jelasnya, antara tanggungjawab utama kita adalah untuk menilai semula perkara-perkara tersebut dan memastikan ia selaras dengan strategi kesihatan serantau secara keseluruhan.

Mesyuarat menghimpunkan kira-kira 80 peserta, termasuk perwakilan daripada kesemua 10 Negara Anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN, Rakan ASEAN, serta Timor Leste sebagai pemerhati.

Mesyuarat juga menandakan detik penting terutamanya selepas dua tahun penangguhan mesyuarat AHC3 di bawah kepengerusian terdahulu.

Negara Brunei Darussalam secara rasmi mengambil alih Kepengerusian Kluster Kesihatan ASEAN 3 bagi penggal 2025-2026, menggantikan Viet Nam.

Di bawah kepimpinannya, negara tersebut akan menerajui perbincangan untuk memajukan keutamaan kesihatan serantau di bawah AHC3, dengan tumpuan kepada memastikan akses sejagat kepada penjagaan kesihatan yang selamat, mampu milik, berkualiti dan holistik; mempromosikan inovasi dan teknologi kesihatan digital; dan meningkatkan penyampaian penjagaan kesihatan kepada kumpulan rentan termasuk wanita, kanak-kanak dan pekerja migran.

Objektif mesyuarat adalah termasuk merangka keperluan pentadbiran, logistik dan belanjawan bagi penganjuran, mendapatkan kelulusan bajet yang dicadangkan, serta merasmikan penubuhan Jawatankuasa Penganjur bagi menjamin kejayaan acara ini.

Terdapat 42 langkah strategik berkaitan kesihatan dalam Pelan Induk ASCC yang sedang dilaksanakan melalui APHDA dan Program Kerja Kluster Kesihatan ASEAN.

Bagi mencapai visi, misi dan matlamat Sektor Kesihatan ASEAN, APHDA akan menumpukan kerjasama dan sumber bagi melaksanakan aktiviti program dan projek serantau melibatkan 20 Keutamaan Kesihatan yang diselia oleh empat Kluster Kesihatan ASEAN.

TAP KENDALIKAN RPCP SESI KE-2



TABUNG Amanah Pekerja meneruskan lagi Program Persijilan Perancangan Persaraan atau Retirement Planning Certification Programme Sesi Ke-2.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Jun. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) meneruskan lagi

Program Persijilan Perancangan Persaraan atau Retirement Planning Certification Programme

(RPCP) Sesi Ke-2 yang telah diadakan selama empat hari, bermula dari 20 Mei hingga 23 Mei

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

2025.

Program ini merupakan salah satu inisiatif utama TAP dalam memperkukuhkan pengetahuan dan keupayaan perancang-perancang kewangan di Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam bidang perancangan persaraan.

Sesi kali ini telah disertai oleh seramai 26 pengamal perancangan kewangan yang terdiri daripada syarikat-syarikat insurans swasta seperti AIA Brunei dan Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd., yang terlibat secara langsung dalam memberikan khidmat nasihat kewangan kepada masyarakat umum.

RPCP merupakan salah satu inisiatif TAP untuk melengkapkan para pengamal perancang kewangan dengan pengetahuan yang tepat berkaitan perancangan persaraan, khususnya maklumat mengenai produk-produk TAP seperti Skim Persaraan Kebangsaan (SPK), serta garis panduan latihan perancangan

persaraan dari sudut konteks SPK.

Peserta yang berjaya menamatkan program ini akan menerima pengiktirafan rasmi melalui pensijilan TAPCERT.

Dengan pensijilan ini, orang ramai kini boleh mendapatkan nasihat persaraan daripada profesional yang diiktiraf oleh TAP, sekali gus meningkatkan keyakinan terhadap maklumat dan panduan yang diberikan. Pendaftaran bagi Sesi Ke-3 akan dibuka pada bulan September 2025.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut melalui laman sesawang rasmi TAP di www.tap.com.bn serta saluran media sosial rasmi TAP iaitu Instagram @TAP_Brunei dan Facebook @TAP.

Untuk maklumat lengkap mengenai kepentingan mendapatkan khidmat daripada Pengamal Perancang Kewangan yang diiktiraf TAPCERT, sila layari laman sesawang TAP.

Tanam rasa cinta kepada raja, bangsa, negara



JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, meneruskan Program Taklimat Kenegaraan khusus bagi Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Pusat Tingkatan Enam dengan berkunjung ke IBTE Kampus Mekanikal, Tungku (atas dan kanan).



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUNGKU, Isnin, 2 Jun. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan

Komunikasi Strategik, meneruskan lagi Program Taklimat Kenegaraan khusus bagi Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Pusat Tingkatan Enam dengan

berkunjung ke IBTE Kampus Mekanikal, Tungku, hari ini.

Seramai 70 penuntut menghadiri program berkenaan yang diadakan di Dewan Kuliah, kampus tersebut. Turut hadir, Ketua Sekolah, Sekolah Tenaga dan Kejuruteraan Pusat, IBTE, Awang Anwar Syuwari bin Haji Md. Idris dan para tenaga pengajar kampus tersebut.

Antara tujuan program ini diadakan ialah untuk menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara di samping menyuntik semangat patriotisme dalam diri para penuntut melalui taklimat yang disampaikan.

Selain itu, program ini juga dihasratkan untuk mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 serta inisiatif di bawah Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035. Taklimat bertajuk 'Peranan dan

Tanggungjawab sebagai Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul

Hakim.

Kandungan taklimat antara lain menyentuh mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat kepada negara dan pemerintah, masyarakat serta keluarga dalam sama-sama menyumbang untuk kesejahteraan negara.



TAKLIMAT disampaikan oleh Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



PROGRAM SUA MUKA ERATKAN HUBUNGAN RAKYAT DENGAN KERAJAAN

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



SEKITAR Program Sua Muka bagi Kampung Birau, Luagan Timbaran dan Kebia, Mukim Kiudang, Daerah Tutong bertempat di Pusat Kemasyarakatan Kampung Birau, Mukim Kiudang (atas dan kanan).

TUTONG, Selasa, 3 Jun. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Daerah mengadakan Program Sua

Muka bagi Kampung Birau, Luagan Timbaran dan Kebia, Mukim Kiudang, Daerah Tutong bertempat di Pusat Kemasyarakatan Kampung Birau, Mukim Kiudang, hari ini.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pegawai Penerangan Kanan Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar juga selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah.

Manakala bagi pihak Kampung Birau, Luagan Timbaran dan Kebia diketuai oleh Ketua Kampung Birau, Luagan Timbaran dan Kebia, Awang Masburah bin Suhaile.

Turut hadir menyampaikan taklimat kepada penduduk-penduduk kampung ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan; Unified Smart Metering System Sendirian Berhad (USMS) dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI).

Program dimulakan bacaan Surah Al-Fatihah dan mukadimah daripada ketua rombongan diikuti dengan penerangan di mana beliau menekankan antara lain mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Sebagai salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan



rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisikan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan prasarana dan kemudahan awam serta hal-hal lain.

SEBAGAI salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.



MINDA PEMBACA

Kesihatan mental dalam kalangan remaja

PADA era globalisasi ini, isu kesihatan mental semakin mendapat perhatian, khususnya dalam kalangan remaja. Remaja sedang melalui fasa peralihan yang mencabar dari alam kanak-kanak ke alam dewasa, melibatkan tekanan emosi, sosial dan akademik. Jika tekanan ini tidak diurus dengan baik, ia boleh menjejaskan kesihatan mental mereka. Malangnya, masih ramai yang memandang ringan isu ini, menyebabkan remaja terdedah kepada stres, kemurungan dan kebimbangan tanpa bantuan yang sepatutnya. Oleh itu, penting untuk kita mengetahui cara mengatasi masalah kesihatan mental dalam kalangan remaja.

Antara langkah dalam mengatasi

adalah melalui pendidikan dan kesedaran yang menyeluruh. Remaja perlu diberikan pendedahan tentang apa itu kesihatan mental, mengenal pasti tanda-tanda awal gangguan mental seperti kemurungan, kebimbangan dan tekanan serta cara mengendalikannya. Pendidikan ini boleh diterapkan melalui kurikulum di sekolah dengan subjek khas atau seminar. Selain itu, daya tahan mental atau *resilience* merujuk kepada keupayaan seseorang untuk bangkit semula daripada kesukaran. Remaja perlu dilatih dengan kemahiran menyelesaikan masalah, pengurusan emosi dan membuat keputusan yang bijak. Ini boleh diterapkan melalui latihan di sekolah seperti bengkel pembangunan diri, aktiviti luar atau

program kepimpinan. Dengan kemahiran ini, remaja akan lebih bersedia untuk menghadapi tekanan dan cabaran hidup tanpa mengalami kejatuhan emosi yang serius.

Gaya hidup sihat turut memberi kesan positif kepada kesihatan mental remaja. Pemakanan yang seimbang, tidur yang cukup dan aktiviti fizikal secara berkala boleh membantu dan menstabilkan emosi dan meningkatkan tenaga seharian. Selain itu, amalan seperti meditasi, teknik pernafasan dalam dan penulisan jurnal boleh dijadikan rutin untuk mengawal tekanan. Penggunaan media sosial juga harus dikawal kerana terlalu banyak masa di media sosial. Remaja harus diajar untuk menggunakan media secara bijak dan

mengutamakan interaksi secara fizikal.

Kesimpulannya, kesihatan mental dalam kalangan remaja merupakan isu yang kompleks dan memerlukan kerjasama semua pihak iaitu keluarga, sekolah, masyarakat dan kerajaan. Langkah-langkah yang di atas adalah contoh yang mampu membentuk remaja yang lebih stabil dari segi emosi dan mental. Dalam dunia yang penuh cabaran ini, usaha menjaga kesihatan mental bukan lagi pilihan tetapi keperluan. Remaja hari ini ialah pemimpin masa depan dan mereka layak dibantu dan disokong dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Nama : Rossyazwana binti Mohamad Izzam
No. K/P : 01-134XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Keberkesanan Pembelajaran Digital'. Tarikh Tutup : 4 Jun 2025
2. 'Pencemaran Sungai dan Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 11 Jun 2025
3. 'Peranan Usahawan Muda dalam Meningkatkan Ekonomi Negara'. Tarikh Tutup : 18 Jun 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Jabatan Penerangan, Haniza Abdul Latif

MENJAGA alam sekitar adalah tanggungjawab bersama yang sangat penting untuk kelangsungan hidup manusia dan makhluk lain di muka bumi. Isu dan masalah alam sekitar mendapat perhatian di pelbagai peringkat pada masa kini, kerana implikasinya bukan sahaja ke atas generasi masa kini tetapi juga generasi kita pada masa hadapan.

Isu-isu alam sekitar yang sering dibangkitkan antara lain, termasuklah pencemaran udara, pencemaran air, kehilangan biodiversiti dan perubahan iklim. Punca utama masalah ini ialah pembangunan fizikal yang tidak terkawal, gaya hidup dan corak penggunaan dan perbuatan manusia yang kurang bertanggungjawab antaranya penggunaan dan pembuangan botol-botol plastik dan sisa-sisa plastik yang menjejaskan sungai-sungai dan lautan. Isu-isu ini jika tidak ditangani akan membawa kesan negatif termasuk menjejaskan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia

Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia mula diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak 1974, di mana sambutanannya telah kian berkembang dan menjadi platform global untuk mengadakan aktiviti-aktiviti yang berunsurkan *public outreach*, yang disambut secara meluas di lebih daripada 100 buah negara di seluruh dunia, termasuk Negara Brunei Darussalam.

Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun 2025 akan memberi tumpuan kepada usaha untuk mengakhiri pencemaran plastik.

Selama beberapa dekad, pencemaran plastik telah meresap ke setiap pelosok dunia, mencemari air yang kita minum, makanan yang kita makan dan tubuh kita sendiri. Walaupun pencemaran plastik merupakan kebimbangan utama, ia juga adalah antara cabaran alam sekitar yang paling mudah diselesaikan pada masa ini, dengan beberapa penyelesaian yang jelas sudah tersedia.

Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia tahun ini berlangsung ketika negara-negara sedang mencapai kemajuan ke arah memeterai perjanjian global untuk mengakhiri pencemaran plastik, termasuk di persekitaran marin.

Tema

Hari Alam Sekitar Sedunia tahun ini akan bekerjasama dengan kempen #BeatPlasticPollution yang dipimpin oleh Program Alam Sekitar PBB (UNEP) untuk menggerakkan komuniti di seluruh dunia bagi melaksanakan dan memperjuangkan penyelesaian.

Hari Alam Sekitar Sedunia akan menekankan bukti saintifik yang semakin banyak tentang kesan pencemaran plastik dan memacu momentum untuk menolak, mengurangkan, guna semula, kitar semula, dan mengkaji semula penggunaan plastik. Ia juga akan memperkukuhkan komitmen global yang dibuat pada tahun 2022 untuk mengakhiri pencemaran plastik melalui perjanjian global mengenai pencemaran plastik.

Tidak dinafikan, bahan-bahan atau produk-produk plastik mempunyai banyak kegunaan dalam kehidupan harian kita.

Mungkin kita tidak menyedari berapa banyak penggunaan *single use plastics* atau produk-produk plastik pakai buang ini secara keseluruhannya.

Bahan plastik mengandungi beberapa kimia yang kebanyakannya toksik. Ia juga berfungsi sebagai *magnet* kepada bahan-bahan pencemar yang lain termasuk dioksin, logam dan racun perosak yang akan mengundang bahaya bagi alam sekitar, hidupan liar dan juga kepada kita semua.

Inisiatif memelihara alam sekitar

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dalam meningkatkan kesedaran dan memelihara kelestarian alam sekitar di negara ini. Salah satu inisiatif yang dilaksanakan ialah Projek Pembersihan Sungai Brunei yang pada masa ini merangkumi kutipan sampah terapung di sepanjang Sungai Brunei dan di beberapa anak-anak sungai utama dengan cara *disiut* menggunakan jaring *penyuit* yang dilakukan oleh sekurang-kurangnya seorang pekerja dan dibantu oleh pemandu bot. Hanya enam buah bot kecil yang digunakan setiap hari meronda keliling perairan Sungai Brunei Kampong Ayer untuk mengutip sampah.

Sebagai usaha pihak kerajaan bagi meningkatkan keberkesanan pembersihan Sungai Brunei, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) telah melaksanakan Projek Pembersihan Sungai Brunei dengan menyeluruh hingga ke kawasan perairan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin bagi tempoh tiga tahun.

Di samping itu, Kempen Mengurangkan Penggunaan Bekas Styrofoam sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2023 yang dikendalikan oleh Kementerian

Pembangunan melalui JASTRe, adalah bagi mengurangkan sisa pepejal dan mengurangkan risiko potensi bahaya kesihatan yang datang daripada produk *styrofoam*.

Kempen Kebersihan Coastal Marvel yang diperkenalkan pada tahun 2021 oleh Kementerian Pembangunan melalui JASTRe adalah satu usaha *lead by example* pihak kerajaan di bawah Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan (JIIK) dalam meningkatkan kesedaran awam perihai kepentingan menjaga kebersihan khususnya di persisiran pantai dan di perairan, sekali gus memperkasa masyarakat untuk menanam rasa tanggungjawab dalam melindungi dan memelihara alam sekitar melalui kaedah pembuangan sampah yang betul.

Inisiatif 3P pula dilancarkan pada 28 Februari 2013, sebagai usaha mengurangkan jumlah sisa kertas yang dilupuskan di tapak pelupusan sampah dan meningkatkan kadar kitar semula, JASTRe telah melancarkan inisiatif berkenaan. Manakala Inisiatif Hujung Minggu Tanpa Beg Plastik diperkenalkan pada 26 Mac 2011, di mana penggunaan beg plastik tidak dibenarkan pada setiap hujung minggu. Tujuan inisiatif ini diungkapkan oleh Kementerian Pembangunan melalui JASTRe adalah untuk mengurangkan penggunaan beg plastik dan seterusnya mempromosikan penggunaan beg guna semula apabila membeli-belah.

Kesimpulan

Menjaga alam sekitar bukan pilihan, tetapi kewajiban. Ia perlu dilakukan secara konsisten oleh individu, komuniti, kerajaan, dan sektor industri. Dengan alam yang sihat, kehidupan akan lebih sejahtera, aman dan berterusan.



JKED, JKDM TERUS MEMPERKUKUHKAN KERJASAMA



JABATAN Kastam dan Eksais Diraja (JKED) Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) semasa mengadakan Mesyuarat Kerjasama Dua Hala Kali Ke-12.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Jun. - Dalam memperkukuhkan kerjasama melalui pelbagai aspek, Mesyuarat Kerjasama Dua Hala Kali Ke-12 antara Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) diadakan hari ini di sebuah hotel di Bandar Seri Begawan.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan bersama oleh Pemangku Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, JKED, Awang

Muhammad Azizil Hakim bin Haji Ibrahim dan Timbalan Ketua Pengarah Kastam, JKDM, Yang Berusaha Puan Hajah Siti binti Mang serta turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari JKED dan JKDM.

Mesyuarat tersebut membincangkan perkembangan terkini bagi kedua-dua pentadbiran kastam serta isu-isu berkepentingan bersama bagi memperkukuhkan lagi kerjasama.

Fokus diberikan kepada inisiatif bersama bagi memudahkan cara

perdagangan rentas sempadan tanpa mengetepikan keselamatan pergerakan barangan di Pos-pos Kawalan serta pengawalan yang berkesan bagi membanteras aktiviti-aktiviti yang tidak diinginkan seperti penyeludupan barang di sempadan dan perairan negara.

Selain itu, tumpuan turut diberikan kepada pembangunan kapasiti dan pertukaran pegawai melalui latihan dalam perkhidmatan (*on-the-job training*).

Mesyuarat Kerjasama Dua Hala Kali Ke-13 di antara JKED dan JKDM dijadualkan akan berlangsung di Malaysia pada tahun 2026.

4 syarikat, 2 individu dikenakan kompaun



ANTARA syarikat yang dikenakan denda kompaun kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggagal 30).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Jun. - Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah mengeluarkan kompaun ke atas empat buah syarikat dan dua individu dalam Operasi Bersih Bersepadu dengan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan serta Jabatan Kastam dan Eksais Diraja kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggagal 30) di sebuah rumah sewa tempat tinggal pekerja asing di kawasan Kampung Madang, Berakas.

Menurut kenyataan, Syarikat Isfahani Sdn. Bhd., Syarikat Feni Sdn. Bhd., Syarikat Abu Talha Sdn. Bhd. dan Syarikat Pahaytc Sdn. Bhd. masing-masing dikenakan tawaran kompaun berjumlah BND1,000.

Manakala, dua individu pula iaitu Miza Nur warganegara Bangladesh dikenakan tawaran kompaun berjumlah BND100 dan Md. Ishak Mia juga warganegara Bangladesh dikenakan tawaran kompaun berjumlah BND300.

Syarikat-syarikat dan individu-individu tersebut diarahkan untuk membersihkan kawasan dan dikehendaki menjelaskan denda kompaun dalam masa tujuh hari. Jika gagal, kes akan dibawa ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggagal 30) iaitu jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND9,000 bagi individu manakala tidak melebihi BND30,000 bagi syarikat atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Pihak JDBM juga ingin memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah yang menyalahi undang-undang dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui pesanan WhatsApp +673 8321581.

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

ALAI PINTAR 150

SOALAN 4 JUN 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Bukit Patoi terletak di daerah mana?
a) Belait
b) Tutong
c) Temburong
- Di manakah letaknya Billionth Barrel Monument?
a) Tutong
b) Seria
c) Lumut
- Rakan Sebaya bermaksud?
a) Kawan-kawan yang sama umur
b) Kawan-kawan yang selalu belanja makan
c) Kawan-kawan yang baik hati

TARIKH TUTUP : 14 JUN 2025

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 149 :

Nama : Muhammad Farish Aryan bin Radzli
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0144424-1. Sekolah : Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin

Nama : Mohamad Adi Akid bin Mohamad Sahariffin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0144582-01. Sekolah : Sekolah Rendah Perpindahan Bukit Beruang II Tutong

Nama : Siti Nurkhadijah Az-Zahra binti Md Ibrahim
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0151031-01. Sekolah : Sekolah Rendah Pantai Berakas

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 149

- A - Nombor
- C - Allah Peliharakan Sultan
- C - 48 jam

NEURALINK MILIK ELON MUSK TAMATKAN PUSINGAN PEMBIAYAAN SIRI E



SAN FRANCISCO, 3 Jun - Neuralink, syarikat milik Elon Musk mengumumkan pada Isnin yang ia menamatkan pusingan pembiayaan Siri E berjumlah US\$650 juta, lapor Xinhua.

Dalam satu catatan blog, syarikat itu menyatakan pusingan pembiayaan itu melibatkan pelabur seperti ARK Invest, Founders Fund, Sequoia Capital dan Thrive

Capital.

Neuralink sebelum ini mengumpul US\$280 juta dalam pusingan pembiayaan Siri D pada 2023, dengan tambahan tranche bernilai US\$43 juta beberapa bulan kemudian.

Syarikat itu turut memaklumkan yang mereka kini menjalankan lebih banyak ujian klinikal terhadap

manusia, dengan implan cip otak pada lima individu yang mengalami lumpuh teruk.

Pada Mei, Neuralink menerima penetapan Program Peranti Terobosan daripada Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan Amerika Syarikat (FDA).

Menurut FDA, Program Peranti Terobosan adalah program sukarela untuk peranti perubatan

tertentu dan produk gabungan yang diketuai oleh peranti, yang menyediakan rawatan atau diagnosis yang lebih berkesan bagi penyakit atau keadaan yang mengancam nyawa atau menyebabkan ketidakupayaan yang tidak dapat dipulihkan.

Program ini bertujuan untuk memberikan akses yang lebih

cepat kepada pesakit dan penyedia penjagaan kesihatan terhadap peranti perubatan dengan mempercepatkan pembangunan, penilaian, dan semakan bagi kelulusan prapasaran. - ©BERNAMA

Sistem kesihatan Arab Saudi tawar lebih 91,000 perkhidmatan sepanjang musim Haji 1446H

MINA, 3 Jun - Sistem penjagaan kesihatan Arab Saudi terus menyediakan perkhidmatan menyeluruh kepada jemaah semasa musim Haji 1446 Hijrah, dengan jumlah keseluruhan perkhidmatan kesihatan yang diberikan sehingga 6 Zulhijah melebihi 91,000, lapor Agensi

Berita Arab Saudi (SPA).

Usaha ini sebahagian inisiatif bersama seluruh rangkaian sistem kesihatan untuk menawarkan rawatan perubatan yang berkualiti tinggi dan cekap, selaras dengan matlamat Program Transformasi Sektor Kesihatan dan Program Pengalaman Jemaah di bawah

Visi 2030 Arab Saudi.

Kedua-dua program ini bertujuan memastikan jemaah dapat menunaikan ibadah haji dengan mudah dan selamat dalam persekitaran bersepadu yang mementingkan kesihatan serta mematuhi piawaian global tertinggi.

Sejak awal musim haji, statistik kesihatan menunjukkan, 51,938

jemaah mendapatkan rawatan di pusat kesihatan utama, 22,486 kes dirawat di jabatan kecemasan manakala 1,069 pesakit menerima rawatan di klinik pesakit luar.

Selain itu, 4,119 pesakit dimasukkan ke hospital, termasuk 1,973 kes yang memerlukan rawatan rapi.

Pasukan perubatan turut berjaya melaksanakan 16 pembedahan jantung terbuka, 145 prosedur kateter jantung

(*angioplasti*) dan mengurus 44 kes keletihan haba dengan cekap.

Sistem penjagaan kesihatan terus mempergiat usaha menyediakan perkhidmatan perubatan yang bersepadu kepada jemaah melalui kesiapsiagaan tinggi dan perancangan yang rapi, demi melindungi kesihatan mereka serta membolehkan ibadah dijalankan dalam suasana yang selamat dan sihat. - ©BERNAMA

Bulan Sabit Merah Arab Saudi sediakan lebih 120 unit ambulans untuk jemaah di Makkah

MAKKAH, 2 Jun. - Pihak Berkuasa Bulan Sabit Merah Arab Saudi meningkatkan tahap kesiapsiagaan di Makkah bagi menyediakan perkhidmatan ambulans berkualiti kepada jemaah haji, sebagai sebahagian daripada persiapan untuk musim Haji 1446 Hijrah.

Menurut Agensi Berita Saudi (SPA), pihak berkuasa itu telah menyediakan lebih 120 unit ambulans yang beroperasi sepanjang masa serta menambah lebih 100 kenderaan sokongan di sekitar Makkah.

Daripada jumlah itu, 80 unit ambulans diagihkan ke kawasan utama : 45 di timur laut dan barat, 15 di selatan, dan 20 di kawasan tengah.

Pasukan yang terlibat

merangkumi lebih 160 petugas kecemasan, disokong oleh lebih 100 ambulans, 12 kenderaan kecemasan bermotor dan tiga kereta golf yang dilengkapi peralatan perubatan kecemasan untuk berfungsi sebagai ambulans mudah alih di kawasan yang sukar diakses. Langkah ini memastikan kesiapsiagaan penuh sekiranya berlaku bencana atau krisis.

Di Masjidilharam, lebih 30 unit kecemasan turut disediakan, termasuk tujuh pasukan di kawasan Mas'a dan Koridor Saudi, lapan pasukan di Mas'a dan dataran timur, 10 pasukan di dataran barat dan selatan, serta dua pasukan di kawasan pengembangan ketiga Masjidil Haram.

Unit-unit ini dikendalikan oleh

lebih 60 paramedik, dengan sokongan 16 kereta golf perubatan bagi memastikan tindak balas segera terhadap kecemasan di kawasan berkepekatan tinggi.

Usaha ini merupakan sebahagian daripada sistem penyelarasan bersama pelbagai agensi kerajaan yang bertujuan mempertingkatkan keselamatan pengangkutan perubatan serta memastikan perkhidmatan terbaik disediakan kepada jemaah haji.

Operasi ini turut dibantu lebih 550 sukarelawan lelaki dan wanita dari pasukan Bulan Sabit Merah yang ditempatkan di lebih 200 unit yang beroperasi sepanjang masa. Mereka khusus dalam sokongan perubatan kecemasan dan memberi bantuan di semua kawasan sesak. - ©BERNAMA

Rusia terima draf memorandum Ukraine mengenai penyelesaian damai

MOSCOW / ISTANBUL, 2 Jun. - Seorang pegawai kanan Rusia pada Ahad berkata Moscow telah menerima draf memorandum dari Ukraine yang mengandungi cadangan ke arah penyelesaian damai bagi konflik yang sedang berlangsung, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Penasihat Presiden Rusia, Vladimir Medinsky, yang akan mengetuai delegasi negara itu dalam rundingan damai di Istanbul pada Isnin, memberitahu saluran Russia Today bahawa dokumen tersebut telah dikemukakan dalam bahasa Ukraine dan Inggeris.

"Delegasi Rusia sebelum ini telah menerima versi memorandum dari Ukraine berkaitan penyelesaian damai," kata Medinsky.

Beliau menambah bahawa bahasa dokumen bukan isu utama dan menyatakan bahawa perkara penting dalam dokumen itu telah pun disiarkan oleh media Barat.

Medinsky turut berkata Rusia akan menyatakan pendiriannya mengenai isu Ukraine pada Isnin.

Sementara itu, Presiden Ukraine pada Ahad berkata bahawa kerajaannya akan berusaha mencapai sekurang-kurangnya sedikit kemajuan ke arah damai semasa rundingan yang dijadual berlangsung di Istanbul, meskipun belum menerima sebarang memorandum gencatan senjata dari Rusia. - ©BERNAMA

Mesir, Qatar usahakan gencatan senjata 60 hari menuju perjanjian keamanan kekal di Gaza

ISTANBUL, 2 Jun. - Mesir dan Qatar pada Ahad menyatakan harapan agar persetujuan dapat dicapai dengan segera berhubung cadangan gencatan senjata sementara selama 60 hari antara Israel dan Hamas, yang akan membuka laluan ke arah gencatan senjata kekal di Semenanjung Gaza, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dalam kenyataan bersama, kedua-dua negara menggesa semua pihak "agar bertindak dengan penuh tanggungjawab dan menyokong usaha perantara yang berusaha menyelesaikan krisis di Semenanjung Gaza dengan mengembalikan kestabilan dan ketenangan di rantau ini."

Mesir dan Qatar turut memaklumkan bahawa mereka

meneruskan usaha intensif "untuk merapatkan perbezaan pandangan dan menyelesaikan perkara yang menjadi pertikaian bagi mencapai perjanjian gencatan senjata di Semenanjung Gaza, berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh utusan Presiden Amerika Syarikat ke Timur Tengah, Steve Witkoff, sekali gus membolehkan rundingan tidak langsung disambung semula berasaskan cadangan tersebut."

Kedua-duanya juga menyatakan bahawa mereka "berusaha agar gencatan senjata sementara selama 60 hari dapat dicapai dengan segera, yang akan menjadi asas kepada perjanjian gencatan senjata kekal di Semenanjung Gaza."

Kenyataan itu turut menyebut bahawa langkah ini "akan memudahkan penyelesaian terhadap krisis kemanusiaan luar biasa di rantau ini, membuka laluan lintasan sempadan dan membolehkan bantuan kemanusiaan serta bantuan kecemasan disalurkan bagi mengurangkan penderitaan rakyat Palestin di Gaza."

Kaherah dan Doha turut menegaskan bahawa usaha ini "bertujuan menamatkan peperangan sepenuhnya dan memulakan semula pembinaan semula Semenanjung Gaza selaras dengan pelan yang diluluskan pada sidang kemuncak tergempar Arab di Kaherah pada 4 Mac lalu". - ©BERNAMA

Suspek kes bunuh rakam swafoto guna telefon mangsa di utara Itali

ROME, 2 Jun. - Lebih setahun selepas satu kes pembunuhan di Itali, jenayah itu kini hampir diselesaikan berikutan penemuan video swafoto yang dirakam oleh suspek menggunakan telefon mangsa, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Setelah beberapa percubaan gagal, bapa mangsa akhirnya berjaya mengakses telefon pintar anaknya, lapor beberapa media Itali pada Ahad.

Dalam telefon itu, beliau menemui satu video yang dirakam suspek sejurus selepas kejadian.

Kes ini menjadi tajuk utama pada akhir April tahun lalu, apabila seorang lelaki berusia 32 tahun ditemui mati ditikam di bandar Villafranca Padovana yang berpenduduk 10,000 orang, di utara Itali berhampiran Padua.

Suspek, yang juga kenalan mangsa dan dua tahun lebih tua daripadanya, telah ditahan. Namun, usaha polis untuk mengakses iPhone milik mangsa bagi mendapatkan petunjuk tidak berjaya.

Akhirnya, telefon itu diserahkan semula kepada bapa mangsa oleh pasukan Carabinieri. Beliau kemudian berjaya membuka peranti berkenaan menggunakan PIN yang betul.

Menurut laporan akhbar tempatan Gazzettino, video itu - hanya beberapa saat panjang - dirakam di lokasi kejadian dan sekitar waktu pembunuhan.

Ia dikatakan menunjukkan suspek menyebut beberapa ayat yang tidak jelas sebelum menyisir rambutnya dengan tangan.

Perbicaraan terhadap lelaki berusia 34 tahun itu, yang kini dalam tahanan, dijadual bermula September ini.

Tertuduh akan didakwa atas kesalahan membunuh dan berdepan hukuman penjara yang lama.

Suspek yang mempunyai masalah penagihan dadah dilaporkan baru keluar dari klinik pemulihan tidak lama sebelum kejadian.

Difahamkan, suspek dan mangsa telah saling mengenali sejak kecil dan pernah beberapa kali berselisih faham sebelum ini. - ©BERNAMA

Lebih 3,300 tan air zamzam digunakan di Masjid Nabawi dalam tempoh 15 hari

MADINAH, 2 Jun. - Sebanyak 3,360 tan air zamzam digunakan di Masjid Nabawi dalam tempoh 15 hari semasa musim haji tahun ini, menurut Pihak Berkuasa Am bagi Penjagaan Hal Ehwal Masjidil Haram dan Masjid Nabawi.

Agensi Akhbar Saudi (SPA) melaporkan bahawa dari 15 Zulkaedah hingga 1 Zulhijah, sebanyak 218,336 botol air

zamzam telah diedarkan kepada jemaah dan pengunjung di bahagian lelaki dan wanita Masjid Nabawi.

Pihak berkuasa itu telah meningkatkan perkhidmatan secara ketara bagi menampung pertambahan jumlah jemaah yang hadir.

Ini termasuk memastikan bekalan air zamzam sentiasa boleh

diakses sama ada melalui tong, botol, atau di tempat minum air sejuk yang disediakan di dalam masjid, di atas bumbung serta di dataran luar.

Selain itu, sebanyak 301,802 juadah iftar telah disediakan kepada mereka yang berpuasa di Masjid Nabawi, dan diagihkan di kawasan khas untuk membuka puasa. - ©BERNAMA



MEMUPUK SEMANGAT KESUKANAN, PERSAHABATAN MELALUI SUKAN DART



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Lumapas 'B' hadir menyaksikan kejohanan berkenaan dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang (kiri sekali), manakala gambar kiri, antara yang menyertai pertandingan.

dengan membawa pulang hadiah wang tunai BND150 berserta medal. Sementara naib johan milik Kelualam dengan menerima wang tunai BND100 berserta medal, manakala tempat ketiga disandang oleh Simple 60 dengan menerima wang tunai BND60 berserta medal.

Antara tujuan kejohanan berkenaan diadakan adalah bagi mengembangkan bakat dalam sukan Dart, selain memupuk semangat kesukanan dan persahabatan dalam kalangan peserta dan penganjur.

Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Lumapas 'B'

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Jun. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumapas 'B' telah menganjurkan Kejohanan Dart Kampung Lumapas 'B' 2025 pada 30 dan 31 Mei 2025.

Hadir menyaksikan kejohanan berkenaan dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada

para pemenang, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B'.

Kejohanan yang berlangsung di rumah kediaman Ketua Kampung Lumapas 'B' berkenaan dibukakan kepada para penduduk

yang bermastautin di Kampung Lumapas 'B' sahaja dan terbuka kepada lelaki berumur tidak kurang 18 tahun.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan, iaitu Kategori Perseorangan dan Kategori Berpasukan.

Bagi Kategori Perseorangan, johan disandang oleh Adib dengan membawa pulang hadiah

wang tunai BND100 berserta medal. Sementara naib johan milik Hisham dengan menerima wang tunai BND80 berserta medal, manakala tempat ketiga disandang oleh Sur dengan menerima wang tunai BND50 berserta medal.

Manakala bagi Kategori Berpasukan pula, johan disandang oleh Katam Kalok

Perlumbaan perahu naga semakin popular di serata dunia

PARIS, 3 Jun - 'Karnival Perahu Naga' sempena sambutan Pesta Perahu Naga semakin mendapat sambutan dengan penganjuran acara perlumbaan di pelbagai negara baru-baru ini.

Di Paris, perlumbaan perahu naga berlangsung di Sungai Seine pada 1 Jun lalu, melibatkan lebih sepuluh pasukan dari China serta beberapa negara Asia dan Eropah.

Ia merupakan tahun ketiga berturut-turut acara karnival perahu naga antarabangsa dianjurkan di ibu negara Perancis itu.

Selain Perancis, perlumbaan perahu naga dan pelbagai aktiviti pertukaran kebudayaan turut dianjurkan di negara seperti Serbia, Jerman, Argentina, Britain, Afrika Selatan, Peru,

Poland, New Zealand dan lain-lain.

Aktiviti itu disertai oleh perantau China bersama komuniti tempatan yang turut serta dalam meraikan warisan budaya tradisional China.

Pesta Perahu Naga telah diiktiraf sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 2009.

Ia merupakan perayaan tradisional China pertama yang mendapat pengiktirafan berkenaan.

Kini, sebagai khazanah budaya milik bersama, Pesta Perahu Naga terus mendapat tempat di hati masyarakat antarabangsa dan semakin popular dari tahun ke tahun. - ©BERNAMA

Petrovic cabar Muhammad Irfan pecah rekod lempar cakera Sukan SEA

SEPANG, 2 Jun. - Selepas merangkul enam pingat emas di Sukan SEA, jaguh lempar cakera negara, Muhammad Irfan Shamsuddin kini dicabar untuk memecahkan rekod kejohanan pada edisi akan datang di Thailand, Disember ini.

Jurulatihnya Frank Petrovic berkata sekarang masa paling sesuai untuk atlet berusia 30 tahun itu mencipta satu lagi pencapaian dalam kariernya selepas memperoleh pingat gangsa dengan lontaran sejauh 58.82 meter (m) pada Kejohanan Olahraga Asia 2025 di Gumi, Korea Selatan, Jumaat lepas.

"Kami ada dua matlamat utama (untuk Muhammad Irfan) tahun ini. Ini yang pertama (Kejohanan Olahraga Asia). Sekarang kami akan lalui musim pertandingan dan seterusnya kami perlu berada di tahap terbaik sekali lagi pada hujung tahun di Bangkok.

"Di sana, nampak mudah, tetapi masih ada rekod kejohanan yang perlu dipecahkan, bukan sekadar menang (merangkul pingat emas)," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Terminal 1, di sini semalam.

Rekod lempar cakera Sukan SEA sejauh 59.50m dipegang bekas jaguh lempar cakera Singapura, James Wong Tuck Yim pada edisi Brunei 1999.

Rekod peribadi Muhammad Irfan ialah 62.55m, yang juga rekod kebangsaan, dicatatkan pada Kejohanan Olahraga Austria di Linz, Austria pada 2017, manakala rekod terbaik beliau musim ini ialah 60 meter, yang dicatatkan pada Kejohanan Olahraga Queensland di Australia, Mac lepas.

Muhammad Irfan memenangi

pingat emas Sukan SEA pertamanya pada edisi 2013 di Naypyidaw, Myanmar iaitu setahun selepas Petrovic mula melatihnya, seterusnya meraih kejayaan pada edisi 2015 di Singapura, Kuala Lumpur (2017), Filipina (2019), Hanoi (2021) dan Phnom Penh (2023).

Petrovic berharap latihan intensif dijalani atlet kelahiran Negeri Sembilan itu sepanjang musim ini akan membuahkan kejayaan dalam pertandingan di Eropah.

"Musim pertandingan di Eropah baru sahaja bermula...ada banyak peluang untuk menunjukkan prestasi. Jadi, inilah masa terbaik untuk Irfan pergi ke Eropah, bertanding dan mencapai sasarannya," kata jurulatih dari Slovakia itu.

Sukan SEA 2025 di Thailand dijadual berlangsung dari 9 hingga 20 Disember. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JAGA AMANAH KEAMANAN MELALUI KETAATAN, KETAKWAAN KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA